


Jilid1  
Bl. 21

Hari Jumaat  
11hb Januari, 1991



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWANRAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3133]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Perpindahan Murid SRJK (T) Ladang Damansara**  
- Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Klang) [Ruangan 3178]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1991**  
Jawatankuasa -

**Jadual:**

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11,**  
**B.12 dan B.13 [Ruangan 3182]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1991**  
Jawatankuasa -  
**Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 3182]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,**  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).**

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).**

„ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).**

**Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).**

**Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).**

„ **Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).**

**Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).**

„ **Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).**

„ **Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).**

**Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).**

„ **Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).**

„ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).**

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HEING DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAJL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI K H A L I D BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUL, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang),

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

**Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).**

- „ **TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).**
- „ **DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).**
- „ **DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).**  
**TUAN BILLY ABIT Joo.(Hulu Rajang).**
- „ **TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).**  
**DR V. DAVID (Puchung).**
- „ **TUAN FONG KUI LUN (Klang).**  
**TUAN Foo PIEW KOK (Batu Gajah).**
- „ **TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).**
- „ **TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).**  
**TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).**
- „ **TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).**  
**TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).**
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).**
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).**
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).**  
**CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).**
- „ **LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).**  
**PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).**
- „ **TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).**  
**DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).**
- „ **TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)**
- „ **TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).**
- „ **TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).**  
**TUAN KANG CHOW OH (Kluang).**  
**TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).**  
**DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).**

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUANLAUDAKKEE (Ipoh).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ DATO' M, MAHALINGAM (Kapar).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.,  
K.M.N. (Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATO HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,  
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).  
TUAN RADIN MALLEH (Padas).  
PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).  
TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).  
PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.I  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).  
TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).  
DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).  
TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).  
PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).  
TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).  
TUAN TAIMIN BIN LUMAINO (Pensiangan).  
DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).  
TUANTANKOK WAI (Sungai Besi).  
DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).  
TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).  
WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).  
TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).  
WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).  
TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).  
TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).  
TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).  
TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).  
TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Jumaat, 11hb Januari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

OVERLAND BRIDGE  
DI ISTHMUS OF KRA

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah gagasan Kerajaan Thailand membina overland bridge di Isthmus of Kra bersama dengan pelabuhan-pelabuhan yang berkaitan dengannya akan menjejaskan pembangunan industri dan perdagangan di Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan overland bridge di Isthmus of Kra bersama dengan pelabuhan-pelabuhan yang berkaitan tidak akan menjejaskan pembangunan industri dan perdagangan di Malaysia. Ini adalah kerana negara kita mempunyai program perindustrian dan perdagangan sendiri atau faktor-faktor penarik seperti infrastruktur yang baik, sumber-sumber asli yang banyak, pasaran buruh yang terlatih dan kestabilan politik dan ekonomi. Malaysia akan dapat terus memajukan industri perdagangannya jika kita berusaha menggunakan faktor-faktor ini dengan sepenuhnya melalui

dasar-dasar yang liberal dan lebih pragmatik. Sebaliknya rancangan untuk membina overland bridge ini boleh memberi peluang dan faedah kepada negara kita dari segi membuka, hinterland, dengan izin, yang lebih besar di mana pedagang-pedagang dan pengeksporth Malaysia dapat meningkatkan perdagangan mereka dengan Thailand.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat tadi, pihak kami masih lagi ada sedikit keraguan, tetapi untuk menyelesaikan masalah tersebut, apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan perundingan yang sihat dengan pihak Thailand dengan memberi perhatian pembangunan yang lebih pesat kepada pelabuhan yang berdekatan, iaitu di Pulau Langkawi dan juga di Pulau Pinang dan memberi perhatian yang lebih serius kepada Perlis dan Kedah dalam usaha kita menandingi pihak Thailand. Adakah Kerajaan ataupun Kementerian Yang Berhormat ingin memberi perhatian yang lebih kepada negeri-negeri yang berdekatan dengan Thailand?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau. Yang sebenarnya kita tidak patut ragu-ragu atas jawapan yang diberikan oleh Kementerian saya.

Kedua, mengenai persaingan yang lebih sihat antara Semenanjung Malaysia di kawasan utara dengan kawasan Thailand Selatan, kita sentiasa mengambil tindakan-tindakan untuk

memajukan kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk Perlis, Kedah, Trengganu dan lain-lain tempat, dan kita akan teruskan usaha kita untuk memajukan tempat-tempat ini menggalakan pelabur-pelabur melabur di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa Kerajaan Republik Singapura telahpun mengambil tindakan-tindakan susulan daripada gagasan ini di dalam bentuk membeli pulau-pulau dan juga membuat perjanjian usahasama dengan pengusaha-pengusaha di Thailand sebagai mengatasi masalah-masalah ekonomi yang akan dihadapi oleh Republik Singapura apabila overland bridge ini dibuat. Kalau Kementerian sedar, apakah tindakan-tindakan selanjutnya selain daripada mendakwa mengenai feasibility studies yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah tindakan yang perlu kita dibuat. Adakah kita hendak beli pulau-pulau juga seperti yang dibuat oleh Singapura ataupun adakah kita telah membuat penelitian dan pengkajian di dalam kemungkinan mengadakan usahasama dengan pihak Thailand.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih Yang Berhormat dari Padang Terap. Pada masa ini Gagasan Kerajaan Thailand membina overland bridge di Isthmus of Kra, hanya di peringkat perintis sahaja (peringkat permulaan sahaja), di mana pada masa ini satu feasibility studies sedang dijalankan oleh Kerajaan Thailand dan pihak Kementerian menganggap sekurang-kurangnya 5 tahun diperlukan oleh Kerajaan Thailand untuk melaksanakan projek yang raksaksa ini.

Mengenai pembelian pulau-pulau oleh negara Singapura, pada masa ini kita tidak ada maklumat yang terperinci

mengenai aduan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Padang Terap mempunyai maklumat yang lebih terperinci, silalah kemukakan kepada Kementerian untuk diambil tindakan dan kajian. Itulah sahaja jawapan saya.

#### DADAH DAN KONGSI GELAP— PENGLIBATAN PELAJAR SEKOLAH

2. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana seriusnya masalah penagihan dadah dan kegiatan kongsi gelap di sekolah seluruh negara. Juga nyatakan langkah dan strategi yang digunakan untuk mengatasi masalah dan bagaimana keberkesannya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, masalah dadah dan kongsi gelap di kalangan pelajar sekolah adalah di tahap yang rendah dan terkawal. Mengikut rekod Kemencirian Pendidikan, dari jumlah pelajar seramai 3.75 juta di seluruh negara kita bagi tahun 1989, hanya 156 orang iaitu 0.0041% sahaja yang dikesan terlibat dengan kes dadah, manakala 162 orang iaitu kira-kira 0.0043% pula dikesan terlibat dengan kes kegiatan kongsi gelap.

Kementerian Pendidikan telahpun melaksanakan program untuk pencegahan, khususnya mengenai dadah melalui Program Pendidikan Pencegahan Dadah dan juga Rancangan Bertindak Pertama Anti-Dadah Negara daripada tahun 1985 hingga tahun 1989. Program ini akan diteruskan dan dilaksanakan dalam Rancangan Bertindak Kedua mulai dari tahun 1991 hingga 1995.

Oleh kerana masalah penyalahgunaan dadah dan kongsi gelap ini adalah juga masalah masyarakat dan masalah

disiplin di sekolah maka kerjasama dan penglibatan semua lapisan masyarakat dengan Kementerian Pendidikan dalam membanteras masalah tersebut di kalangan pelajar-pelajar adalah perlu. Di atas kesedaran itu, Kementerian Pendidikan memberi perhatian terhadap usaha merapatkan lagi hubungan sekolah dengan masyarakat dan telah bertindak menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah sejak tahun 1986 yang bertujuan untuk kita mendapatkan pandangan, cadangan dan penglibatan masyarakat untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Di antara cadangan dan pandangan yang diperakukan oleh Jawatankuasa ini yang telah dijadikan program khas disiplin di sekolah adalah seperti Pembinaan Iklim Sekolah yang baik, Skim Lencana Anti-Dadah, Pembimbing Rakan Sebaya, Program Kepimpinan dan Motivasi Pelajar, termasuk juga kolokium yang kita adakan, Kolokium Membina Ketahanan Diri dan juga termasuk penglibatan persatuan ibu bapa dan masyarakat setempat dalam pendidikan pelajar.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa sebahagian daripada pergaduhan-pergaduhan kecil yang melibatkan kongsi gelap (gangsters) juga mempunyai di dalamnya unsur-unsur perkauman? Jika pihak Kementerian sedar, setakat manakah seriusnya masalah ini dan apakah tindakan Kementerian seterusnya? Adakah juga pihak Kementerian sedar bahawa masalah unsur perkauman ini dibangkitkan oleh perasaan tidak puashati kerana fahaman dan kekeliruan politik disebabkan oleh pihak Pembangkang yang selalu menimbulkan unsur-unsur politik berkaitan dengan pendidikan kita? Contohnya, masalah 6A baru-baru ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak puashati dan saya rasa . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila singkatkan soalan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Soalnya, adakah Kementerian sedar tentang masalah seperti ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, memang kita sedar bahawa banyak pergaduhan yang kecil di sekolah dilaporkan kepada kita dan kita telah siasat ini cuma pergaduhan di antara budak-budak sekolah. Kadang-kadang banyak kalanya fasal perkara-perkara yang peribadi. Tetapi laporan-laporan luar dari Kementerian yang sebenarnya berlaku di sekolah adalah cuma hebahan liar atau tafsiran-tafsiran masyarakat yang ingin memperlihatkan pergaduhan ini adalah berunsur perkauman. Tetapi kalau kita selidik, banyak pergaduhan adalah perkara-perkara yang biasanya anak-anak kecil, ataupun budak-budak sekolah bergaduh, termasuk fasal perkara-perkara peribadi yang berbagai. Kita sendiri pun tahu masa kita di bangun sekolah.

Masalah perkauman di sekolah-sekolah kita adalah seperti yang saya katakan, penyibaran di masyarakat sahaja. Ini kita sedari bahawa langkah-langkah yang kita ambil ialah jangka panjang di mana kita menyisipkan prinsip-prinsip, nilai-nilai yang murni untuk memperkuat sikap, tabiat dan nilai-nilai yang akan diamalkan oleh kanak-kanak. Kita meneruskan program-program pendidikan, kurikulum dalam bilik darjah, dan juga pendidikan berteraskan agama.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Paktor yang penting, adakah pihak Kementerian sedar bahawa peranan guru kaunseling di sekolah-sekolah selama ini telah tidak

berkesan dan langsung tidak memainkan peranannya dalam mengatasi masalah disiplin dan keruntuhan moral di kalangan murid-murid sekolah.

Aspek yang kedua ialah peranan guru disiplin sebenarnya perlu diberi penekanan oleh pihak Kementerian tidak hanya bergantung kepada pundak guru disiplin secara individu itu sahaja tetapi peranan ini sebenarnya perlulah diberi penekanan kepada keseluruhan guru-guru lain, sama-sama bertanggungjawab untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah-sekolah. Sekian.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan itu, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita ingin mencari sebab masalah disiplin kita di sekolah, memang banyak puncanya. Dan puncanya bukanlah dari segi peribadi sahaja, termasuklah juga dari masalah masyarakat, masalah rumah, masalah sekolah, masalah guru dan bermacam-macam. Tetapi yang pentingnya, seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa peranan guru kaunseling adalah perlu. Tidak berkesannya guru kaunseling, saya ingin menafikan dengan sekuat-kuatnya bahawa peranan guru kaunseling, di mana mereka yang ditempatkan selama ini, kita telah mendapatkan laporan bahawa kesannya memang ada. Kalau Yang Berhormat ingin lebih lagi meneliti program ini di mana kita berjaya dalam menukar sikap memperbaiki atau mengurangkan masalah disiplin di sekolah-sekolah kita, Yang Berhormat dipersilakan.

Yang keduanya, saya memang bersetuju sekali peranan untuk kita membanteraskan masalah disiplin di sekolah adalah peranan semua tapisan masyarakat dan juga semua lapisan guru pengajar dan pendidik di sekolah. Pendidikan itu adalah termasuk pendidikan keseluruhannya mengikut dasar dan falsafah pendidikan negara.

## KRISIS TELUK—KESAN NEGATIF EKONOMI NEGARA

3. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kesan-kesan negatif terhadap ekonomi negara akibat daripada Krisis Teluk; dan
- (b) apakah langkah dan usaha-usaha yang diambil bagi memastikan ekonomi negara tidak turut terjejas.

### 11.2.91

18. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana ekonomi negara terjejas oleh sebab pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada 2hb Ogos, 1990 dan keadaan yang tidak pasti di Timur Tengah dan akibat darinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman); Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 11hb Februari, 1991. Sebahagian daripada soalan ini juga telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 21hb Disember, 1990.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan secara ringkas bahawa Krisis Teluk telah membawa kesan positif kepada ekonomi negara bagi tempoh jangka masa yang pendek. Kenaikan harga minyak mentah telah dapat menambah pendapatan eksport dan hasil negara.

Walau bagaimanapun, bagi tempoh jangka panjang, jika harga minyak mentah kekal di paras yang tinggi ianya akan menjejaskan prestasi ekonomi dunia dan tentunya membawa kepada kemelesetan bagi kebanyakan negara-negara yang mengimport minyak dan

negara-negara perindustrian. Perdagangan dunia yang lembab dan kos mengimport barangan dan perkhidmatan yang meningkat akan mempengaruhi pertumbuhan keluaran dalam negara, menyebabkan kadar inflasi yang lebih tinggi dan kemungkinan meningkat kembali kadar pengangguran.

Memandangkan sektor perkilangan dan perkhidmatan adalah penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara, maka peningkatan dalam kos akan menjejaskan pengeluaran dan permintaan barangan dan perkhidmatan dalam negeri. Sekiranya ini berlaku, kita perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya dapat mengurangkan kesan-kesan buruk terhadap ekonomi negara. Kajian sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menentukan apakah tindakan-tindakan yang perlu kita buat bagi menghadapi keadaan itu.

#### PROJEK PENANG CDD 21— TENDER

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kerajaan telah membuka tender atau tawaran kepada seluruh atau separuh Projek Penang CDD 21, Projek Penang Manhattan; sekiranya ada, sila beri butir-butirnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Central Development District (CDD) 21 pada masa ini adalah merupakan sebuah projek Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak terlibat dengan urusan tawaran tender projek berkenaan.

#### RANCANGAN PEMBANGUNAN SEGI TIGA EMAS

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang rancangan pembangunan "Tiga

Segi Emas" melibatkan Johor, Singapura dan Batam, Indonesia dari segi persefahaman program pembangunan dan implikasi kepada pembangunan ekonomi negara khususnya Johor dan negeri-negeri yang berjiran dengannya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Or Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembangunan "Segi Tiga Emas" itu adalah satu konsep kerjasama bagi pembangunan sesebuah zon perindustrian yang melibatkan Johor, Singapura dan Pulau Batam di Indonesia. Ianya adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kawasan pelaburan bersama bagi pelabur-pelabur serta menggalakkan kerjasama di antara ketiga-tiga negara tersebut dalam bidang pelaburan demi kepentingan bersama.

Dalam konteks ini, sukacita saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji kesan pembangunan "Segi Tiga Emas" ini terhadap pembangunan ekonomi negeri Johor serta negeri-negeri yang berjiran dan negara amnya. Tujuannya ialah untuk mendapat manfaat yang sebaiknya dari program tersebut serta supaya ianya selaras dan tidak bertentangan dengan matlamat pelan pembangunan negara pada keseluruhannya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah gagasan yang serupa yang mungkin diadakan seperti Segi Kedah/Perlis, Sumatera Utara dan Selatan Thailand ataupun Sabah, Filipina dan Kalimantan. Adakah gagasan ini difikir pada masa sekarang ataupun hendak ditunggu menengok kejayaan "Segi Tiga Emas" Johor ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini secara rasmi belum ada lagi wujud gagasan yang seperti "Segi Tiga Emas"

di mana "Segi Tiga Emas" pun belum lagi diiktirafkan sebagai rasmi lagi, tetapi perbincangan penilaian sedang dibuat oleh Kerajaan kita bersama dengan Kerajaan-kerajaan yang berkenaan, kemungkinan demi kepentingan kita bersama dijangka masa yang akan datang kelak ianya akan juga dapat dibuat.

**Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah strategi pembangunan yang dikatakan "Segi Tiga Emas" ini menjejaskan pembangunan Lembah Kelang atau, dengan izin, Klang Valley. Itu yang pertama.

Soalan yang kedua ialah adakah dengan menumpukan pembangunan kepada kawasan baru di Johor, Singapura dan Pulau Batam ini menjejaskan hubungan dua hala antara Indonesia dan Malaysia dari segi perhubungan perdagangan yang biasa?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak fikir Klang Valley Industrial Zone, dengan izin, akan terlibat dari segi kekurangan perkembangan kalau wujudnya pun "Segi Tiga Emas" antara Johor, Singapura dan Pulau Batam. Hubungan dua hala antara Indonesia dan Malaysia pun, kita fikir, mungkin boleh dipertingkatkan lagi sekiranya dapat kita melalui program Segi Tiga Emas ini. Kalau berjaya ia pula mungkin boleh membawa kita bekerjasama dalam lain-lain bidang yang lebih menguntungkan lagi kepada kedua-dua buah negara.

#### DOKTOR PAKAR—MENAIKKAN KADAR ELAUN

6. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kemudahan-kemudahan atau imbuhan yang diberikan kepada Doktor Pakar atau "specialist" untuk tidak berhenti daripada berkhidmat dengan

Kerajaan dan membuka klinik persendirian alau menceburkan diri di bidang swasta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar terus berkhidmat dengan Kerajaan, beberapa keistimewaan telah diberi kepada mereka yang di antara lain ialah:

- (a) menaikkan kadar elaun pakar berkuatkuasa mulai 1hb Disember, 1989;
- (b) menambah bilangan jawatan kenaikan pangkat atas purata 58 jawatan setiap tahun; dan
- (c) meningkatkan peluang latihan dan kemajuan kerjaya mereka.

**Puan Lim Lay Hoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah kenaikan gaji yang terakhir untuk doktor pakar dan berapakah kadar elaun pakar sebelum dinaikkan pada 1hb Disember 1989 dan berapakah kadar kenaikan selepas itu?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, tarikh kenaikan gaji untuk doktor pakar yang baru-baru ini ialah pada 1hb Oktober 1988. Mengenai elaun-elaun pakar, kerana ada beberapa peringkatnya, saya cuba sebutkan apa yang saya dapat, iaitu:

	Kadar Lama	Kadar Baru
Tingkatan Biasa	\$700	\$1,200
Tingkatan Kanan	\$850	\$1,300
Tingkatan Tertinggi G	\$1,000	\$1,500
Tingkatan Tertinggi F	\$1,150	\$1,700
Tingkatan Teninggi E	\$1,300	\$1,900
Tingkatan Tertinggi D	\$1,450	\$2,200
Tingkatan Tertinggi C	\$1,600	\$2,400

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan bahawa untuk mengatasi masalah kekurangan kepakaran, pihak Kementerian telah mengambil pakar-pakar dari luar negeri contohnya dari Bangladesh. Apakah kemudahan-

kemudahan yang telah diberi kepada pakar-pakar luar jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan kepada pakar-pakar tempatan. Setakat manakah dasar pengambilan pakar-pakar luar ini dapat memenuhi kekurangan pakar-pakar tempatan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kemudahan-kemudahan asas seperti yang diberikan kepada pakar-pakar tempatan, kemudahan dari segi accomodation, transport dan sebagainya adalah juga ditimbang untuk pakar-pakar dari luar negeri.

Dasar pengambilan adalah berdasarkan sama ada mereka itu masih sihat dari segi kesihatannya, sama ada mereka adalah mempunyai kelayakan yang diiktirafkan oleh Kerajaan negara dari mana mereka datang dan juga mereka mesti mempunyai fahaman bahasa-bahasa yang penting seperti bahasa Inggeris di mana mereka boleh mudah berkomunikasi di negara kita.

#### MINYAK—PENYELUDUPAN

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai bukti terhadap tuduhan bahawa ada pihak yang telah menyeludup minyak kita ke negara jiran seperti yang dilaporkan baru-baru ini. Jika ada, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang bcnanggungjawab.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Kerajaan belum mempunyai bukti terhadap tuduhan bahawa ada pihak yang telah menyeludup minyak kita ke negara jiran. Mengikut rekod Jabatan Kastam, tidak ada kes-kes tangkapan ataupun rampasan minyak petrol yang cuba diseludup ke negara jiran bagi tahun 1988, 1989 dan juga 1990.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kerajaan sedar bahawa ramai rakyat Singapura membeli minyak di Malaysia ataupun di Johor khususnya di mana kereta-kereta yang didaftarkan di Singapura dihadkan ataupun ditentukan jumlah minyak sekurang-kurangnya 'A' tangki ataupun 3/4 tangki sebelum dapat meninggalkan negara Singapura. Jadi, adakah Kerajaan Malaysia untuk mengambil tindak balas seumpamanya hanya membenarkan kereta yang berdaftar di Malaysia sahaja boleh membeli minyak biar setiap kereta Singapura yang memasuki Johor Bahru diberi kupon dan mereka mesti membayar dengan harga yang sama sebab mereka datang membeli minyak di negara kita ini, pertama, mungkin perbezaan harga, kedua kerana nilai ringgit Singapura itu berbeza?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat langkah yang dibuat oleh Kerajaan Singapura yang pada peringkat permulaannya menetapkan 1/2 tangki untuk masuk ke Johor, selepas itu ditambah kepada 3/4 tangki untuk masuk ke Johor, ini bermakna bahawa rakyat Singapura yang membawa motokar berdaftar di Singapura mendapati bahawa membeli minyak di sebelah Johor Bahru adalah menguntungkan.

Kementerian telah melihat perbezaan harga dan rata-rata kalau kita lihat petrol premium harga di Malaysia adalah 60% lebih murah jika dibandingkan dengan Singapura apabila diambil kira perbezaan ringgit dengan dollar Singapura dan perbezaan duti petroleum di Malaysia dengan Singapura. Ini adalah perkara yang berlaku dan walaupun begitu Kerajaan tidak bercadang untuk bertindak balas sebegitu rupa seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Yang pertamanya, kita mengambil dasar untuk memastikan bahawa harga tenaga di negara kita ini masih lagi di tahap yang rendah untuk dinikmati oleh rakyat negara ini. Yang keduanya, kita perlu melihat soal ringgit sebagai satu langkah yang membawa kepada keuntungan secara keseluruhannya untuk negara kita. Kalau dahulu kita mendapati bahawa rakyat Malaysia ke Singapura untuk mengambil kesempatan membeli barang yang tidak ada duti, kali ini oleh kerana ringgit adalah lebih murah daripada dollar Singapura, maka keadaannya sudah terbalik dan dengan cara demikian implikasi positif yang sewajarnya dinikmati oleh negara pada keseluruhannya perlu ditekankan di sini dan jika sekiranya ada masalah secara tempatan di Johor Bahru maka-langkah-langkah yang khusus perlu diambil untuk mengatasi apa jua kekurangan bekalan dan penawaran yang ada di sekitar selatan Johor untuk memenuhi permintaan yang bertambah-tambah daripada pihak rakyat Singapura yang datang ke selatan Johor.

#### SUNGAI LABU DI SEPANG— MENDALAMKAN

8. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan Jabatan Parit dan Saliran untuk mencuci dan mendalamkan Sungai Labu di Sepang yang sekarang ini sudah terlalu cetek yang menyebabkan banjir di kampung-kampung berhampiran dan kawasan projek ditenggelami air dan pengusaha-pengusaha petani mengalami kerugian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang mempunyai rancangan untuk mencuci dan mendalamkan Sungai Labu di Sepang. Peruntukan sebanyak \$2.3 juta telah dipohon bagi rancangan mencuci dan mendalamkan Sungai Labu

sepanjang 12 kilometer. Kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan diterima.

Tuan Haji Mohd. Shariff bin Jajang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu secepat manakah agaknya peruntukan itu dapat diterima dan adakah Yang Berhormat ataupun Yang Berhormat Menteri sendiri berhajat untuk melawat sendiri tempat ini untuk melihatkan ke'urgency'nya ataupun keperluannya untuk turun melihat atau datang ke Sepang sendiri?

Tuan Mohd, Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini telahpun dipohon dan apabila peruntukan diterima kemungkinan Yang Berhormat Menteri akan bersama-sama dengan Ahli dari Kawasan Sepang melawat ke kawasan yang berkenaan.

#### INTEGRASI NASIONAL

9. Tuan Radin Malleh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mencapai matlamat integrasi nasional ataupun untuk merapatkan lagi perhubungan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Adakah Kerajaan Persekutuan mengambilkira kepentingan dan perasaan penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak dalam proses untuk mencapai tujuan di atas. Jika ada, sila nyatakan dengan jelas apakah perkara-perkara yang sudah dilakukan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mencapai matlamat integrasi nasional ialah dengan

mewujudkan satu sistem politik, ekonomi dan sosial yang seragam bagi seluruh negara sebagai usaha untuk melahirkan semangat kekitaan dan persaudaraan yang lebih mantap di kalangan rakyat Malaysia dari berbagai negeri terutamanya di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Selain daripada itu, usaha-usaha khususnya yang diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi termasuk jugalah mewujudkan sistem pendidikan yang sama, undang-undang dan perkhidmatan awam yang semakin seragam, perhubungan udara serta telekomunikasi yang semakin baik, rangkaian radio dan television kebangsaan, rancangan lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat dan sebagainya.

Kerajaan Persekutuan sentiasa mengambilkira kepentingan dan perasaan penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak dalam proses untuk mencapai tujuan di atas. Di antara perkara-perkara yang sudah dilakukan, terutamanya dalam bidang sebaran am termasuklah memperluaskan bidang penyiaran radio dan television dengan memperbanyakkan program terbitan Sabah dan Sarawak bagi disiarkan di peringkat Kebangsaan, mengadakan berita Wilayah, memperbanyakkan ruang untuk dimuatkan berita-berita tempatan di dalam akhbar Kebangsaan, menyeragamkan harga akhbar-akhbar Kebangsaan yang dijual di Sabah dan Sarawak dan lain-lain lagi.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sistem politik sekarang di mana parti-parti politik tertentu hanya mewakili kaum tertentu sahaja. Ini satu sebab menjadikan negara kita tidak dapat perpaduan dan sekiranya Yang Berhormat sedar, apakah tindakan yang akan diambil supaya memperbaiki keadaan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soalan Yang Berhormat terkeluar daripada soalan yang asal, sebab ini adalah satu soalan yang khususnya berkisar kepada integrasi nasional antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dan terima kasih memberi peluang kepada saya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar tindakan yang diadakan oleh Kerajaan pada masa sekarang adalah umpamanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Adakah juga Kerajaan sedar yang banyak ketidakpuasan hati di antara rakyat Sarawak dan Sabah oleh kerana tidak ada keseimbangan daripada segi pembangunan dan kemudahan yang ada terdapat di Semenanjung Malaysia ini dan tidak didapati di Sarawak dan bukannya perasaan itu boleh dibendungkan dengan menghantar harga suratkhbar yang sama, kemudahan television dan perkara yang seumpama itu. Tetapi negeri Sarawak telah merdeka menerusi Malaysia selama 27 tahun tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Sarawak bahkan ada seorang kawan dari Johor mengatakan bahawa Sarawak itu ketinggalan 10 tahun. Saya kata Sarawak itu sudah ketinggalan 25 tahun. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri,

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan Pusat sedar bahawa pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak adalah ketinggalan, tetapi ada juga negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pun ada ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Ini adalah satu perkara yang kita dapat, dengan izin, inheritkan daripada pihak British dan sekarang. Kerajaan Pusat ada mengambil langkah-langkah yang positif untuk mempercepatkan proses pembangunan di semua negeri.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu daya usaha Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan integrasi nasional ketika dahulu adalah mengadakan Feri Malaysia di mana pelayarannya melibatkan Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Oleh kerana kerugian yang dialami oleh Feri Malaysia ia telahpun dijual. Adakah rancangan yang serupa Feri Malaysia akan dicadangkan ataupun akan diadakan oleh Kerajaan Persekutuan baik dari segi pelayaran laut, udara ataupun yang lain-lain?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Feri Malaysia ini rugi, perkhidmatannya telah ditamatkan dan kerugian ini ialah oleh sebab tidak cukup penumpang-penumpang. Ini menunjukkan penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak tidak begitu berminat untuk menaiki Feri Malaysia, dan ini membuktikan tidak perlu kita adakan satu perkhidmatan seperti Feri Malaysia. Tetapi dari segi untuk perhubungan, saya rasa MAS telahpun mempunyai cukup penerbangan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang boleh menghubungkan di antara 3 buah negeri.

#### LAWATAN NELSON MANDELA KE MALAYSIA

10. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan dari lawatan saudara Nelson Mandela ke negara kita dari segi perhubungan dan pelaburan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan England. Adakah perhubungan dan pelaburan dari kedua-dua Negara tersebut akan berkurangan dengan lawatan tersebut. Adakah perhubungan dan pelaburan dari lain-lain negara akan meningkat dengan lawatan ini dan, jika ya, manakah negara-negara tersebut.

Dato' Dr Abdullab Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, lawatan Dr Nelson Mandela ke negara kita baru-baru ini tidak akan mcnjejaskan hubungan yang baik dan terjalin di antara Malaysia dengan negara-negara Amerika Syarikat dan Britain. Dr Mandela sendiri sebelum ini pernah melawat kedua-dua buah negara tersebut dan juga beberapa buah negara di Asia Pasifik dalam usaha diplomatiknya untuk mendapatkan sokongan moral dan bantuan kewangan bagi memperhebatkan lagi perjuangan Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan orang-orang kulit hitam menegakkan hak mereka di Afrika Selatan. Beliau telah diterima baik di negara-negara tersebut dan mendapat sumbangan dari mereka.

Lawatan Dr Mandela tidak mempengaruhi langsung pengaliran pelaburan ke negara ini.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Nelson Mandela diberikan keterangan-keterangan mengenai undang-undang penahanan tanpa bicara di Malaysia seperti ISA, bila beliau melawat Malaysia dan apakah reaksi beliau kepada maklumat ini?

Kedua, adakah perbelanjaan yang terlibat dalam lawatan Nelson Mandela ke negara kita ditanggung oleh pihak B.N atau Kerajaan, disebabkan Kerajaan telah mengatakan bahawa undangan Nelson Mandela ke Malaysia adalah anjuran Barisan Nasional?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Dr Nelson Mandela faham dengan keadaan keselamatan Malaysia dan beliau menghormati undang-undang yang ada di Malaysia.

Keduanya perbelanjaan lawatan Dr Nelson Mandela separuhnya ditanggung oleh Kerajaan, yang mana Kerajaan boleh menggunakan peruntukan yang ada pada Kerajaan bagi lawatan tersebut

dan separuhnya seperti Perhimpunan Raksaksa di Stadium Negara itu ditanggung oleh Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir)

### CUEPACS—RUNDINGAN GAJI

12. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau ingin mengiktiraf hak berunding bersama kakitangan-kakitangan Kerajaan;
- (b) jika ia betul, bolehkah kakitangan-kakitangan Kerajaan diberi peluang merunding gaji dan kemudahan bekerja melalui CUEPACS, kerana CUEPACS adalah Federasi atau "Umbrella Organisation" bagi Kesatuan-kesatuan Kakitangan Kerajaan; dan
- (c) jika ianya tidak, bolehkah beliau memberi penjelasan atas sebab-sebabnya hak merunding bersama kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak diamalkan.

Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak pernah menafikan hak berunding bersama dengan kakitangan Kerajaan. Mengikut amalan yang lalu, walaupun Kerajaan tidak memberi atau menggariskan secara langsung hak perundingan kepada kesatuan-kesatuan sekerja dalam sektor awam, tetapi dari segi praktiknya Kerajaan masih mengamalkan perundingan. Ini jelas ditunjukkan dalam masalah tuntutan pelarasan gaji oleh kesatuan-kesatuan sekerja sektor awam pada masa-masa yang lalu.

Sehubungan dengan ini juga, penubuhan lima Majlis Bersama Kebangsaan yang ada sekarang adalah merupakan satu jentera untuk membolehkan kesatuan-kesatuan sekerja sektor awam berbincang dengan pihak Kerajaan mengenai prinsip-prinsip yang mempengaruhi kedudukan saraan, elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pekerja-pekerja Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan dalam MBK adalah juga termasuk pegawai-pegawai dari CUEPACS. Daripada penjelasan-pejelasan ini, sudah jelas bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap aspek-aspek kebajikan kakitangan Kerajaan. Kakitangan Kerajaan sesungguhnya sudah diberi peluang seluas-luasnya untuk berbincang dan mengemukakan pandangan mereka terhadap perkara-perkara yang menyentuh kepentingan kakitangan Kerajaan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah satu kenyataan yang benar kerana saya amat tahu tentang hubungan perusahaan yang wujud antara Kerajaan dengan pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam.

Saya tidak pernah lihat ada sebarang hak perundingan malahan segala perbincangan-perbincangan yang ada cuma setakat selalu dikatakan oleh Kerajaan "bermesyuarah", memberi pandangan, memberi pendapat dan akhirnya segala keputusan muktamad adalah keputusan yang dibuat oleh Kerajaan secara berat sebelah. Adakah ini benar?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, "bermesyuarah" itu berbincanglah, tidak faham hendak tanya soalan, ini yang susah. Saya ingat berapa kali Menteri di Jabatan Perdana

Menteri yang lama dan yang baru pun telah memanggi mereka berbincang dan "bermesyuarah". Setelah dilantik Menteri baru di Jabatan Perdana Menteri, kita panggil pegawai-pegawai daripada CUEPACS, beri makan, berbincang—saya ada tetapi Yang Berhormat tidak ada di situ. Keputusan muktamad sudah pastilah Kerajaan akan menentukan. Berbincang boleh, tetapi keputusan muktamad, Kerajaan akan buat. Itu keputusan Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan pernah bertanya atau mengambil tahu daripada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, berapakah mereka mendapat ganjaran daripada kesatuan sekerja masing-masing oleh kerana mereka ini seolah-olahnya champion pekerja, tetapi mengambil ganjaran yang lebih daripada pekerja

Dr V. David: Saya cabar, boleh pergi siasat.... *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Puchong!

Dr V. David: Saya cabar . . . . *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap! Yang Berhormat dari Puchong diperingatkan, tanpa izin jangan berucap dengan sewenang-wenangnya, tertib perlu diteliti. Arau teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi apakah Kerajaan sanggup berunding dengan orang-orang yang kononnya menjadi champion pekerja, tetapi sebenarnya mengaut peluh pekerja.?

Dr V. David: Soalan ini terkeluar... *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau, soalan terkeluar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya tahu *(Ketawa)*

#### RUMAH SAKIT UMUM DAERAH BELAGA

13. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina Rumah Sakit Umum di Daerah Belaga dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME); dan
- (b) jika tidak, sama ada Kementerian Kesihatan bercadang membina Poliklinik di Belaga.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada cadangan untuk membina sebuah Rumah Sakit Umum di Daerah Belaga. Pembelian tanah dan penyediaan rekabentuk bagi Hospital ini akan dibuat dalam masa Rancangan Malaysia Keenam.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina Hospital-hospital Daerah di daerah-daerah kecil di Sarawak, di tiap-tiap daerah, memandangkan masalah perhubungan di negeri Sarawak.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak berkaitan dengan soal yang mengenai Daerah Belaga....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Okay, tidak payah jawablah.

**RANCANGAN HIBURAN/DRAMA  
RTM—PENSWASTAAN**

14. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangan-ancangan hiburan selain drama di RTM akan diswastakan dalam tempoh 6 bulan dari sekarang. Kalau tidak ada cadangan menswastakan rancangan tersebut, nyatakan sebab-sebabnya, memandangkan penswastakan drama dapat mengurangkan kos, di samping memberi peluang kepada pihak swasta melibatkan diri dalam rancangan dan program RTM.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penyiaran atau RTM sememangnya menyiarkan rancangan-ancangan yang diterbitkan oleh pihak swasta dengan syarat rancangan-ancangan tersebut berkualiti dan tidak bercanggah dengan matlamat RTM.

Antara rancangan-ancangan hiburan lain yang akan disiarkan adalah lagu-lagu, tarian-tarian tradisional sempena dengan perayaan-perayaan dan program-program jenaka. Kementerian ini akan mengkaji dari masa ke semasa keperluan dan kesesuaian rancangan-ancangan hiburan yang boleh disiarkan untuk tontonan umum.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Kementerian bersedia untuk menswastakan drama Persidangan Parlimen (*Ketawa*) oleh kerana buat masa ini siaran Persidangan Parlimen hanya dibuat melalui Berita sahaja dan begitu terhad. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa rakyat banyak merungut kerana merasa tidak puashati menerima liputan berita Persidangan Parlimen yang begitu terhad dan adakah pihak Kementerian sanggup dan bersedia untuk menswastakan Laporan Persidangan Parlimen.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang saya fikir agak kontroversial. Sama ada boleh atau tidaknya diswastakan program seperti ini, itu Kementerian kena fikirkan sedalam-dalamnya supaya ianya tidak akan membawa implikasi yang buruk kepada umum. Tetapi walau macam manapun, saya percaya bahawa drama-drama swasta yang diterbitkan akhir-akhir ini banyak menggambarkan perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita yang ada hubungkaitnya dengan politik dan perkembangan semasa termasuklah perkembangan di Parlimen.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan menggunakan drama-drama swasta ini, adakah pihak Kementerian dapat menjimatkan kewangan dan dari segi penjimatan kewangan ini berapa banyakkah dapat pihak Kementerian menjimatkan dalam masa penyiaran satu-satu drama swasta?

Keduanya, saya ingin tahu apakah ciri-ciri yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam memilih mana-mana drama swasta yang akan ditayangkan atau disiarkan oleh RTM?

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan di sini kepada soalan tambahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah iaitu pada umumnya drama swasta yang dibuat oleh productions house di tanahair kita pada hari ini adalah lebih murah daripada yang dibuat oleh RTM sendiri. Maka itulah keputusan Kerajaan pada satu masa yang lalu menswastakan program-program seperti drama swasta dan lain-lain supaya bukan sahaja harganya lebih murah tetapi supaya dapat memberikan peluang kepada syarikat-syarikat perfileman tempatan untuk berkecimpung dan lebih aktif dalam pengeluaran filem-filem tempatan.

Kedua, saya terlupa, soal apa tadi?

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Ciri-ciri yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memilih.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Terima kasih. Ciri-ciri yang digunakan untuk memilih drama-drama untuk ditayangkan ialah berpandukan kepada garis panduan yang telah sedia ada pada masa ini. Saya fikir perkara ini telah banyak kali diterangkan dalam Dewan ini iaitu antara lain termasuk ciri-ciri yang menggambarkan lebih banyak ketimuran di negara kita daripada yang menonjolkan character atau unsur-unsur yang kurang sihat daripada luar.

#### PELAJAR SARAWAK MEMASUKI UNIVERSITI TEMPATAN

15. **Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kadar peratusan pengambilan murid-murid Sarawak oleh Kementerian Pendidikan untuk memasuki universiti tempatan. Adakah Kementerian Pendidikan akan menambah kadar peratusan ini pada tahun depan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah memberi pertimbangan khas kepada pelajar-pelajar di Sarawak bagi membolehkan mereka diterima masuk ke universiti-universiti tempatan. Pertimbangan ini adalah wajar bagi menambahkan bilangan pelajar Sarawak di institusi pengajian tinggi tempatan setiap tahun. Peratusan pelajar-pelajar tersebut yang diterima masuk ialah 5% bagi sesi 1989/1990 meskipun setelah kelonggaran dan pertimbangan khas berkenaan diberi kepada mereka. Soal sama ada perlu ditambah kadar peratusan ini pada tahun depan, adalah bergantung kepada kelayakan akademik dan syarat-syarat khas fakulti.

Permohonan supaya ditambahkan peratus kemasukan ke universiti dari sesuatu negeri haruslah dilihat dari segi matlamat Kementerian Pendidikan yang menitikberatkan kualiti siswazah bagi keperluan pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar yang akan memasuki institusi pengajian tinggi haruslah mempunyai kelayakan dan kualiti yang setimpal.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, hanya 5% dari jumlah penuntut di universiti tempatan terdiri daripada mereka yang datang dari Sarawak walaupun syarat-syarat kemasukan sudah dilonggarkan. Adakah ini bermaksud bahawa murid-murid di Sarawak bodoh atau tidak pandai atau tidak mendapat kelayakan yang cukup sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah seorang dari Sarawak juga. Kenapa ramai pemuda Sarawak terpaksa pergi ke luar negeri untuk belajar ke pengajian tinggi di Australia, di Canada dan sebagainya kerana mereka tidak dapat diambil masuk di universiti tempatan?

Soalan kedua, kenapa tidak dibuat satu universiti di negeri Sarawak sendiri? Saya mahu dengar sekali lagi sebab-sebab yang tidak betul itu.

**Dr Leo Michael Toyad:** Soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri menyatakan ini adalah satu tuduhan yang tidak betul sekali. Sebenarnya di mana kita perlukan adalah kuota-kuota yang berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru kita dan untuk kemasukan universiti dan juga untuk kelayakan pelajar-pelajar dari Sarawak ialah 5%.

Keduanya soalan mengenai banyaknya peratusan, yang sebenarnya peruntukan untuk negeri-negeri dan kawasan-kawasan ialah yang 5% ini diperuntukkan untuk Sabah dan 5% untuk Sarawak dan yang lain-lain itu peratusannya dibahagikan mengikut kadar masing-masing.

Keduanya, fasal menimbulkan soal kenapa universiti tidak ditubuhkan di Sarawak, soalan itu saya telah jawab dengan penuh dan teliti dalam Dewan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab gaji Pensyarah-pensyarah universiti berbeza dengan gaji Pensyarah di ITM kerana ITM secara tidak langsung juga sebuah universiti kerana kursus-kursusnya setaraf dengan ijazah. Knapakah gajinya lebih rendah daripada gaji-gaji Pensyarah di universiti? Apakah Kerajaan bercadang untuk menimbangkan supaya ITM tidak kehilangan Pensyarah-pensyarah yang bermutu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soalan Yang Berhormat terkeluar daripada soalan yang asal. (*Ketawa*)

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu dari jumlah murid-murid Sarawak yang diambil oleh universiti-universiti tempatan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan selanjutnya mengikut kaum.

Dr Leo Michael Toyad: Cuma saya ingin menyatakan terima kasih atas perhatian yang diberi oleh Yang Berhormat dari Kampar kepada pelajar-pelajar di Sarawak. Di sini saya tidak ada pecahan-pecahan dan saya perlukan notis.

#### UNIVERSITI TEMPATAN—MUTU AKADEMIK

16. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah yang diambil untuk mempertingkatkan mutu akademik di universiti-universiti tempatan dan sama ada:

- (a) pihak Kementerian bersedia menaikkan gaji Pensyarah yang kini terlalu rendah;

- (b) Universiti Malaya telah mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam Fakulti Perubatan yang menyebabkan ia hilang pengiktirafan dari General Medical Council dari United Kingdom (GMC); dan
- (c) UM telah membuat permohonan kepada GMC untuk memulihkan pengiktirafannya dan kalau ya, apakah keputusannya.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dilakukan untuk mempertingkatkan mutu akademik di universiti-universiti tempatan kita, langkah-langkah yang kita ambil ialah seperti menambahkan peruntukan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan pensyarah dengan penglibatan mahasiswa serta mengurangkan kerenah birokrasi dalam urusan pentadbiran penyelidikan.

Kita juga mengambil langkah seperti menambahkan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di kalangan pensyarah.

Kita melibatkan pensyarah-pensyarah dalam kegiatan penyelidikan untuk menimba pengalaman di dalam dan di luar negeri semasa mereka bercuti sebatikel.

Kita juga memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran di universiti dalam semua aspek bidang pengajian masing-masing.

- (a) Mengenai gaji pensyarah-pensyarah yang ditimbulkan itu, Kerajaan sentiasa mengambilkira keadaan semasa di dalam penyemakan semula gaji kakitangan akademik universiti dan juga seluruh kakitangan dalam jentera Kerajaan. Bagi memberi insentif kepada kakitangan akademik, Kerajaan

telah melaksanakan struktur kenaikan pangkat secara automatik dan elauan kepakaran kepada kakitangan akademik masing-masing yang telah dilaksanakan pada April 1989 dan Disember 1990.

- (b) Universiti Malaya dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan agensi pusat telahpun mengambil tindakan untuk mempertingkatkan kemudahan dan kelengkapan di Fakulti Perubatan. Di samping itu, usaha-usaha telah dibuat untuk menambahkan tenaga pengajarnya dan juga mendapat pakar-pakar perubatan dari luar negeri.
- (c) Pihak Universiti Malaya telah mengemukakan rayuan sejak Disember 1989 untuk mendapat pengiktirafan semula General Medical Council (GMC) di United Kingdom. Sehingga kini, Universiti Malaya masih menunggu keputusan dari pihak GMC. Difahami pihak GMC memerlukan masa untuk mengkaji tindakan yang diambil oleh Universiti Malaya sebelum mereka mengiktirafkannya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa gaji pensyarah sekarang adalah rendah kalau berbanding dengan tanggagaji antarabangsa. Kalau begitu, mengapakah pihak Kementerian masih berdegil enggan menaikkan gaji pensyarah-pensyarah di universiti kita.

Yang kedua, untuk memastikan bahawa mutu akademik di universiti-universiti tempatan dipelihara, adakah pihak Kementerian akan membuat jaminan bahawa pensyarah-pensyarah yang dilantik tidak dipecat dengan sewenang-wenangnya seperti yang berlaku kepada dua orang pensyarah,

satu Dr Mohd. Nor, bekas Timbalan Dekan Fakulti Pergigian yang kononnya dipecat kerana beliau orang Ahmad Badawi, bukan orang Anwar; dan kedua iaitu Professor Ari Chandran yang beliau dipecat kerana faktor perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa bahagian yang kedua yang dibangkitkan itu tidak bersangkutan-paut secara langsung dengan soalan yang asal, tetapi yang pertama itu boleh dijawab.

Tuan Lim Guan Eng: (*Sampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan telahpun dibuat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6), sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya telahpun membuat keputusan dan Timbalan Menteri sila jawab bahagian (a) sahaja.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan fasal gaji pensyarah-pensyarah kita di universiti tempatan dan universiti di luar negeri, soal kita sedar atau tidak sedar tidak timbul kerana tadi saya sudah menyatakan, kita menyemak gaji kakitangan akademik universiti dan juga kita menimbang seluruh kakitangan dan jentera Kerajaan dan kakitangan ini termasuklah jentera pembangunan Kerajaan untuk negara ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Sampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telahpun cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Takut! Lari dari jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melaka, tolong meneliti adab tertib. Jangan cakap dengan sewenang-wenangnya tanpa izin. (*Tepuk*)

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 17 hingga 25 adalah diberi di bawah ini)

### MAS—KEUNTUNGAN DIPEROLEHI

11. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan keuntungan atau kerugian MAS sejak 10 tahun yang lalu:

- (a) berapa kali dan sebab-sebab kenaikan tambang dalam dan luar negeri oleh MAS sejak 10 tahun yang lalu;
- (b) kos operasi MAS dari tahun 1980 hingga 1990; dan
- (c) kemampuan persaingan MAS dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain di Rantau Asia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Keuntungan yang diperolehi oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sejak 10 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

#### Tahun Kewangan

(i)	1980/81	-	\$6,977,000.00
(ii)	1981/82	-	\$ 35,168,000.00
(iii)	1982/83	-	\$ 10,041,000.00
(iv)	1983/84	-	\$ 95,190,000.00
(v)	1984/85	-	\$131,584,000.00
(vi)	1985/86	-	\$104,904,000.00
(vu)	1986/87	-	\$112,211,000.00
(viii)	1987/88	-	\$151,456,000.00
(ix)	1988/89	-	\$154,382,000.00
(x)	1989/90	-	\$221,939,000.00

- (a) Dalam 10 tahun yang lalu MAS hanya dibenarkan menaikkan tambang penerbangan dalam negeri sekali sahaja iaitu pada 1hb Ogos, 1982. Kenaikan ini di

benar oleh Kerajaan ketika itu oleh sebab kos operasi yang meningkat.

Untuk makluman Yang Berhormat, MAS telah menaikkan tambang antarabangsa ke destinasi-destinasi luar negeri beberapa kali sejak 10 tahun yang lalu. Kenaikan ihi berasaskan syor-syor "International Air Transport Association (IATA)", di atas sebab-sebab pertimbangan komersial. Peratus serta beberapa kali ianya dinaikkan adalah berbeza dari destinasi ke destinasi.

- (b) Perbelanjaan operasi MAS sejak 10 tahun yang lalu adalah seperti berikut:

#### Tahun Kewangan

(i)	1980/81	-	\$825,734,000.00
(ii)	1981/82	-	\$1,028,979,000.00
(Ui)	1982/83	-	\$1,170,791,000.00
(iv)	1983/84	-	\$1,140,141,000.00
(v)	1984/85	-	\$1,179,685,000.00
(vi)	1985/86	-	\$1,218,849,000.00
(vii)	1986/87	-	\$1,316,937,000.00
(viii)	1987/88	-	\$1,458,495,000.00
(ix)	1988/89	-	\$1,738,957,000.00
(x)	1989/90	-	\$2,255,340,000.00

- (c) MAS sememangnya mampu bersaing dengan syarikat penerbangan yang lain di rantau Asia dengan adanya usaha-usaha bagi memodenkan dan meningkatkan perkhidmatan. Antara beberapa langkah yang telah diambil termasuklah:

- (i) membclanja lebih dari \$2,000 juta untuk membeli peralatan moden dan pesawat-pesawat besar kapasitinya untuk laluan antarabangsa dan dalam negeri;
- (ii) memperkenalkan beberapa destinasi baru;
- (iii) melengkapkan alat-alat termoden bagi tugas-tugas harian; dan

- (iv) menambah bilangan kakitangan dan kemudahan latihan untuk menampung perancangan pembesaran syarikat.

#### JAMBATAN BATU KAWA— PEMBINAAN

17. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) kemajuan dalam melaksanakan pembinaan Jambatan Batu Kawa yang dicadangkan dan tarikh untuk projek itu siap dibina;
- (b) rancangan untuk melaksanakan projek bekalan air paip kepada penduduk-penduduk di kawasan Batu Kawa di sepanjang Jalan Datuk Stephen Yong.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jambatan Batu Kawa dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 1991. Pada masa sekarang, penilaian tawaran sedang dijalankan oleh pihak juruperunding. Projek ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh 104 minggu.
- (b) Mengenai pembekalan air paip ke kawasan Batu Kawa, saya telah diberitahu bahawa pihak Lembaga Air Kuching telah membuat persediaan untuk melaksanakan projek retikulasi (recticulation) bagi membekalkan air paip ke kawasan tersebut. Projek tersebut melibatkan pemasangan paip-paip agihan daripada paip besar (main pipeline) yang sedia ada. Projek ini memerlukan belanja lebih kurang \$0.5 juta dan jangka masa persiapan selama 3 tahun. Projek ini dirancang bermula pada pertengahan tahun 1991.

#### MERITOCRACY BERDASARKAN KEBOLEHAN

18. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap "meritocracy" untuk memberi sepenuh semangat dan sri (essence) kepada peruntukan Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan "Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang".

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Jika apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dengan "meritocracy" ialah pemberian ganjaran atau pembalasan kepada seseorang itu berdasarkan kepada kebolehan dan keusahaannya, sememangnya perkara ini telah diamalkan di negara ini. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas kebolehan dan kebijaksanaan seseorang adalah menjadi satu faktor penting di dalam menentukan kejayaan seseorang di dalam apa jua bidang yang diceburinya. Kerajaan tidak pernah mengamalkan perbezaan antara rakyat dari segi undang-undang dan Perlembagaan Negara adalah sentiasa didaulatkan termasuk Artikel 8.

#### PERJANJIAN MEMBELI SENJATA

19. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang untuk mengkaji semula perjanjian membeli senjata yang dibuat dengan Britain yang menjadi isu kontroversial di kalangan rakyat;
- (b) apakah masalah yang timbul jika rancangan pembelian senjata itu dibatalkan; dan

- (c) sejauhmana tepatnya pandangan yang menyebut bahawa persetujuan itu mesti diteruskan kerana komisyen pembelian itu dikatakan sudahpun diambil.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):**

- (a) Rundingan serta proses pembelian senjata di bawah Perjanjian Persefahaman antara Britain dengan Malaysia adalah berjalan lancar. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula perjanjian tersebut.
- (b) Pembelian senjata dari Britain itu merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memodenkan sistem persenjataan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Peralatan pertahanan Malaysia kebanyakannya telah usang dan ianya perlu dimoden dan dilengkapkan selaras dengan keperluan keselamatan semasa. Sekiranya pembelian itu dibatalkan, ia akan membantut usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.
- (c) Saya tidak langsung mengetahui tentang wujudnya pembayaran komisyen dari sebarang pembelian peralatan ketenteraan.

#### HARGA RADIO/KASET— KAWALAN

20. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenapa tidak adanya kawalan harga ke atas radio/kaset, di mana bukan alat-alat ganti kereta yang tulen, yang dipasang oleh kereta tempatan untuk kereta baru. Sila Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna beritahu kenapa Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak melakukan tindakan untuk menghentikan alat-alat ganti kereta ke atas pembeli kereta baru untuk membeli radio/kaset yang tidak diingini mereka.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan harga kereta-kereta baru yang dipasang dalam negeri adalah di peringkat selepas pemasangan atau ex-assembly sahaja. Alat-alat seperti radio, kaset dan, dengan izin, "power window, spoiler, central locking" dan sebagainya, biasanya dipasang di luar kilang. Oleh itu, Kerajaan tidak mengawal barang-barang tersebut.

Kawalan harga yang dilaksanakan sekarang adalah bertujuan untuk memberi kebebasan kepada pembeli-pembeli untuk memilih sendiri jenis aksesori yang hendak dipasangnya sendiri jika perlu.

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini didapati banyak aduan oleh pembeli-pembeli kereta bahawa mereka tidak diberi kebebasan dan pilihan tersebut oleh pengedar-pengedar kereta. Kereta-kereta yang dijual sudah tersiap pasang dengan aksesori ini. Kementerian memandang berat atas perkara ini dan kini sedang meneliti secara terperinci mengenai aduan-aduan ini dan sedang mengambil tindakan untuk mengawal penjualan kereta-kereta yang sudah dipasang dengan aksesori supaya pengguna boleh membuat pilihan sama ada untuk membeli kereta dengan aksesori atau tanpa aksesori.

#### KAD PENGENALAN BARU— BORANG PERMOHONAN

21. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat ramai rakyat jelata di seluruh negara mengadu bahawa borang permohonan kad

pengenalan baru terlampau rumit untuk diisi. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjadikannya lebih mudah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Borang permohonan Kad Pengenalan baru yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN 1/2) merupakan borang permohonan yang disatukan yang dahulunya terdiri dari empat borang berasingan. Sebenarnya borang ini tidaklah rumit seperti yang dikatakan. Kementerian juga mendapati dakwaan kerumitan mengisi borang permohonan Kad Pengenalan baru mencerminkan masalah-masalah tertentu yang terdapat pada penduduk-penduduk pendalaman, dan bukanlah kesulitan yang berkaitan dengan format borang tersebut secara langsung. Walau bagaimanapun, semua Pejabat Pendaftaran Negara di seluruh negara telah menyediakan kaunter-kaunter khas bagi membantu orang ramai. Contoh-contoh cara pengisian borang juga diletakkan di papan-papan kenyataan di Pejabat Pendaftaran Negara. Kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara telah diberi latihan dengan cukup untuk membantu orang ramai bagi mengatasi sebarang masalah mengenai borang permohonan ini.

#### HARTA MALAYSIA DI KEDUTAAN DI KUWAIT

22. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah harta-harta Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil setelah Krisis Gulf berlaku;
- (c) sudahkah semua penuntut Malaysia di kedua-dua negara pulang dan berapa ramaikah yang

diterima memasuki maktab-maktab, universiti-universiti tempatan dan di mana;

- (d) sudahkah semua anggota Kedutaan Malaysia di Kuwait berpindah ke Iraq atau mana-mana negara; dan
- (e) berapakah perbelanjaan yang Kerajaan tanggung bagi semua Pelarian Malaysia di Kuwait.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah harta-harta Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait adalah seperti berikut:
  - (1) Sebidang tanah seluas empat ribu meter persegi (4,000 meter persegi) yang diperolehi secara pertukaran timbal balas antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kuwait.
  - (2) Selain dari itu, Kerajaan Malaysia telah meninggalkan dua buah kereta Kerajaan yang masing-masing berumur enam (6) tahun dan sebelas (11) tahun.
  - (3) Di samping itu, terdapat juga harta-harta lain yang telah ditinggalkan seperti kelengkapan pejabat dan perabot-perabot dan pinggan mangkuk.
  - (4) Jumlah kesemua harta-harta di atas adalah dianggarkan bernilai tiga juta, tigapuluh enam ribu, tiga ratus tujuh puluh lima ringgit lapan puluh lima sen (M\$3,036,375.85).
- (b) Ekoran dari pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada 2hb Ogos, 1990, Kerajaan telah memindahkan kesemua rakyat Malaysia yang berada di Kuwait, iaitu kakitangan Kedutaan dan

keluarga, pelajar-pelajar, pekerja-pekerja Malaysia termasuk penumpang-penumpang penerbangan British Airways BA 149 yang terkandas di Kuwait, melainkan mereka yang memutuskan terus tinggal di situ. Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut mengenai rakyat, pekerja dan penuntut-penuntut Malaysia yang berada di kawasan Teluk:

- (1) Mengarahkan Perwakilan Malaysia supaya menasihati rakyat Malaysia di kawasan Teluk (Saudi Arabia, Emirate Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Qatar, Jordan dan Syria) supaya keluar dari kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meninggalkan kawasan tersebut adalah terpulung kepada mereka.
- (2) Jumlah rakyat Malaysia yang berada di negara-negara tersebut ialah seramai lebih kurang 1,700 semuanya, iaitu 1,000 di Arab Saudi dan 700 di negara-negara lain. Mereka adalah terdiri dari pekerja-pekerja, penuntut-penuntut dan surirumah.
- (3) Arahan juga telah dibuat supaya semua ahli-ahli keluarga dan tanggungan Perwakilan dan Badan-badan Berkanun di Arab Saudi (Riyadh dan Jeddah) pulang ke Malaysia. 61 orang ahli-ahli keluarga dan tanggungan dari Arab Saudi dijangka pulang dengan penerbangan MAS yang terakhir pada 13hb Januari, 1991.

- (4) Arahan juga telah dibuat untuk memindah keluar semua pegawai-pegawai di Kedutaan kita di Baghdad. Duta Besar telah pulang hari ini bagi tujuan konsultasi.
- (5) Menasihati supaya rakyat Malaysia menangguhkan pemergian mereka ke kawasan Asia Barat, ini termasuk orang ramai yang ingin menunaikan ibadah Umrah memberhentikannya untuk sementara waktu sehingga diberitahu kelak.

- (6) Kementerian Luar Negeri juga telah menubuhkan bilik operasi bagi mengawasi perkembangan mengenai Krisis Teluk, mulai 3hb Januari yang lalu. Bilik operasi ini dikendalikan sepanjang masa dengan tiga "shift" dari 8.00 pagi - 4.00 petang; 4.00 petang - 12.00 tengah malam dan 12.00 tengah malam - 8.00 pagi. Dua orang pegawai telah ditugaskan bagi tiap-tiap "shift".

Bilik operasi ini dilengkapi dengan lima talian talipon. Nombor-nombor adalah seperti berikut:

242-5408; 242-5461; 242-5481; 242-5464; dan 242-5476.

- (7) Kementerian telah membuat keputusan supaya penuntut-penuntut kita di Morocco, Turki dan Mesir supaya tidak meninggalkan negara-negara tersebut sehingga diberitahu kelak.

- (8) Sementara itu semua penuntut-penuntut di Syria, Jordan dan kawasan Timur Saudia dan Riyadh dinasihat pulang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, penuntut-penuntut di Mekah, Madinah dan Jeddah dinasihatkan tidak keluar dari bandar-bandar tersebut.
- (9) Selaras dengan usaha-usaha di para (8), seorang pegawai dari Konsulat Jeneral kita di Jeddah telah diarah untuk pergi ke Amman untuk membantu penuntut-penuntut Malaysia. Kita juga telah meminta Konsul Kehormat Malaysia di Amman, Jordan supaya memberi bantuan. Kedutaan kita di Turki telah diarah untuk membantu mana-mana penuntut Malaysia yang mungkin keluar dari Syria melalui Turki.
- (c) Untuk makuman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada penuntut Malaysia tajaan Kementerian Pendidikan yang menuntut di negara Iraq dan Kuwait. Oleh itu, soal pembawaan pulang penuntut Malaysia dari negara berkenaan dan soal kemasukan mereka ke maktab-maktab dan universiti-universiti tempatan tidak timbul.
- (d) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua anggota Kedutaan Malaysia di Kuwait seraniai sepuluh orang tidak berpindah ke Iraq, sebaliknya telah selamat pulang ke tanahair pada 30hb Ogos, 1990.

- (e) Kos pengendalian membawa balik rakyat Malaysia, termasuk para diplomat kita ialah sebanyak \$661,843.55.

#### KAD PENGENALAN BARU KEPADA PENDATANG HARAM— PENGEDARAN

23. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang adanya sindiket-sindiket pengedaran kad-kad pengenalan biru kepada pendatang haram di Sabah. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak berkuasa untuk menghapuskan kegiatan derhaka ini selain daripada penukaran kad-kad pengenalan berbentuk baru.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan memang sedar ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengedar kad-kad pengenalan biru kepada pendatang di Sabah. Di antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri ialah:

- (i) Menyiasat dengan rapi setiap laporan mengenai kegiatan ini; dan
- (ii) Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dengan mendakwa orang-orang yang disyaki terlibat.

#### SIJIL KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN DI SARAWAK— MEMOHON

24. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Dalam Negeri menyalakan:

- (a) sama ada Kementerian ini sedar bahawa ramai orang di Sarawak terutama di Baram yang menghadapi masalah-masalah

untuk memohon Sijil Surat Beranak dan Kad Pengenalan kerana mereka berada di tempat yang jauh dari Pusat/Pejabat Pendaftaran Negara;

- (b) sama ada Kementerian ini telah memperuntukkan tabung bantuan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menjalankan kegiatan pendaftaran khas bagi orang-orang di tempat pendalaman di Sarawak; dan
- (c) kalau ada, berapa banyakkah peruntukan dan bilakah pendaftaran khas akan dimula dan kalau tidak, mengapa tidak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kementerian memang sedar masih terdapat penduduk di kawasan pendalaman Sarawak yang menghadapi masalah untuk memohon Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan. Walau bagaimanapun, masalah berjauhan dari Pejabat Pendaftaran Negara bukanlah faktor utama menyebabkan mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Sebilangan mereka, umpamanya tidak dapat membuktikan fakta-fakta kelahiran mereka.
- (b) Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sarawak disediakan peruntukan untuk menjalankan kegiatan pendaftaran khas bagi penduduk-penduduk di kawasan pendalaman Sarawak.
- (c) Bagi tahun 1990, sebanyak \$50,000 telah diperuntukkan bagi kegiatan ini di mana sebanyak \$47,754 telah dibelanjakan. Program seumpama ini akan dijalankan sepanjang tahun ini mengikut keutamaan.

## JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN BERTULIS

25. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan berapa lama masanya para Ahli-ahli Dewan Rakyat perlu menunggu sebelum mendapat jawapan-jawapan kepada pertanyaan bertulis mereka memandangkan para Ahli-ahli perlu menunggu satu tempoh yang agak lama untuk terima jawapan berkenaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas); Tidak ada jangka waktu yang ditetapkan oleh Peraturan Mesyuarat mengenai berapa lama masanya jawapan-jawapan bertulis perlu diberi kepada pertanyaan-pertanyaan bertulis oleh Yang Berhormat Ahl-ahli sebagaimana yang digariskan di bawah Peraturan Mesyuarat 24(6).

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PERPINDAHAN MURID  
SRJK (T)  
LADANG DAMANSARA

*4.04ptg.*

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, usul saya berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli dari Klang untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan merunding satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, yakni perpindahan seramai 121 murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Damansara, Batu Tiga ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seafield mulai 16hb Januari, 1991.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana sekiranya perpindahan tersebut diteruskan ia bukan sahaja akan membebankan para ibubapa murid-murid yang terlibat, yang kini menganggur akibat penjualan ladang tersebut kepada Lion Corporation tetapi ia juga bermakna penutupan sebuah lagi sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan ini mencabuli hak untuk menerima pendidikan dalam bahasa ibunda seperti terjamin dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa perbuatan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk meminda murid-murid tersebut harus dikutuk kerana seluruh ibubapa membantah perpindahan anak-anak mereka itu dan bantahan mereka ini diberitahu kepada Jabatan tersebut dalam dua mesyuarat yang diadakan antara Jabatan tersebut dan ibubapa-ibubapa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa sekiranya perpindahan tersebut terus dilakukan, murid-murid berkenaan akan juga terpaksa berpindah ke sekolah yang lain dalam masa tidak lama lagi kerana Ladang Seafield di mana Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seafield ditempatkan sudahpun dijual kepada Syarikat United Estate Projects bagi tujuan pembinaan rumah-rumah secara raksasa. Hakikat ini disedari oleh Kerajaan tetapi ia sengaja menentang murid-murid tersebut dari sini ke sana seperti sebiji bola sepak walhal apa yang terlibat ialah jaminan Perlembagaan terhadap hak untuk menerima pendidikan dalam bahasa ibunda dan pengwujudan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan Cina.

Bahawa perkara ini perlu disegerakan kerana sekiranya trend, dengan izin, ini terus dibiarkan ia akan lambat-laun membawa kepada penghapusan sekolah

rendah jenis kebangsaan Tamil dan Cina dan trend sedemikian harus disekat dan dibendung kerana sekiranya tidak, ia akan menyebabkan perpecahan serta menggugat perpaduan negara kerana di sekitar tempat berkenaan terdapat dua buah sekolah kebangsaan baru, termasuk sebuah sekolah vokasional, sedang dibina sedangkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Damansara yang wujud sejak tahun 1932 ini mengalami nasib ia akan dilutupakan oleh Kerajaan.

Dewan ini memutuskan bahawa notis perpindahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan itu harus ditarik balik dan murid-murid yang terlibat dibenarkan terus belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Damansara.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun, iaitu Ahli Parlimen Kawasan Klang berkenaan dengan perpindahan seramai 121 orang murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Damansara, Batu Tiga ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Seafield. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacanya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan Mesyuarat hari ini kecuali jika dia puashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat, iaitu:

- (1) perkara itu tertentu;
- (2) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan

- (3) perkara itu berkehendak di-segerakan.

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan itu, saya berpendapat bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu hanya memenuhi dua syarat yang pertama. Saya tidak bersetuju perkara itu mesti disegerakan perbincangannya sehingga menangguhkan persidangan hari ini kerana saya telah diberitahu oleh Kementerian Pendidikan bahawa pada mulanya sekolah ini berupa sebuah rumah bungalow yang dijadikan tiga bilik darjah yang paling sub-standard di tanah yang dipunyai oleh Consplan Company. Sekolah ini ialah bagi pekerja-pekerja Consplan tetapi kemudiannya telah juga disertai oleh anak-anak setingan.

Baru-baru ini Consplan telahpun menjual ladang ini kepada Lions Group. Consplan telahpun membayar gantirugi kepada pekerja-pekerjanya dan mereka telahpun pindah keluar. Sekolah ini hanya dipenuhi oleh anak-anak setingan sekarang. Lions Group pula perlu tanah ini kerana telah menjadi kepunyaannya. Untuk menyelesaikan masalah, Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan telahpun bercadang memindahkan anak-anak murid yang berkenaan ke sekolah Seafield atau Sungai Renggam yang jauhnya 5 kilometer dari sekolah. Masalahnya kawasan ini bukan kepunyaan Kerajaan sekarang, bahkan menjadi kepunyaan Lions Group dan Lions Group mahu tanah ini di-kosongkan.

Jabatan Pendidikan Selangor telahpun memberi pilihan untuk berpindah ke Sekolah Seafield atau Sungai Renggam. Oleh yang demikian, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Kelang ini (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kedua*)

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Jadual)—*

*Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1991)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

4.12 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, semalam saya telah bercakap dengan panjang lebar mengenai Bekalan 7, walaupun ianya tidak mendapat perhatian yang khusus dari pihak pemberita, oleh kerana saya bercakap di peringkat yang agak lewat sedikit. Sebagai mengulang secara ringkasnya di bawah Bekalan 010000, berhubung dengan Urusan Parlimen, saya telah menyentuh berhubung dengan Select Committee di mana sampailah masanya supaya pihak Parlimen membenarkan diadakan Select Committee untuk membolehkan kita membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan Rang Undang-undang sebelum ianya dibawa kepada bacaan kali yang kedua dan seterusnya.

Saya juga telah menyentuh di bawah program 010500 berhubung dengan Biro Pengaduan Awam supaya ia diperkuat dan supaya ia menjadi satu Biro ataupun badan yang berkesan. Kemudian di bawah 050000, Hal Ehwal Agama Islam, saya telah menyentuh dan ini telah dipersetujui oleh kawan-kawan saya, terutamanya daripada PAS supaya perkataan "Islam" tidak diguna dalam ....

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Ahli dari Tumpat bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: .... dalam Parti PAS oleh kerana ....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim: Oleh kerana dalam keadaan-keadaan tertentu

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan? Sila.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa Yang Berhormat salah dalam membuat....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa Yang Berhormat salah tadi dalam membuat kenyataan. Dia mengatakan apa yang dia cakup bahawasa menghilangkan nama Islam dari PAS itu mendapat sokongan daripada PAS. Saya kata itu adalah satu pembongkaran yang paling besar yang pernah dilakukan oleh Wakil dari Arau. Saya merasa dukacita, amat dukacita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya lebih banyak dukacita. Sebab saya belum habis lagi, Yang Berhormat. Saya kata

kalau sekiranya penggunaan perkataan, saya belum habis lagi-penggunaan perkataan Islam itu boleh dalam keadaan-keadaan tertentu menyebabkan orang-orang salah pendapat bahawa Parti Islam dengan Islam itu sama. Sebab saya beri contoh, orang tempat saya dan Wakil dari Nilam Puri yang duduk dekat kampung saya, dia mengetahui bahawa ada orang-orang di tempat saya menganggap kalau sekiranya tidak pangkah Parti Islam, tidak pangkah PAS, seolah-olah dia tidak boleh masuk syurga. Jadi, saya kata kawan-kawan saya bersetuju. Mereka bersetuju kalau ini pegangan, kalau sekiranya ini boleh membawa kekeliruan dari segi akidah, maka ianya patut dihapuskan. Itu sebab kawan-kawan saya bersetuju pandangan dari segi berhubung dengan akidah. Bukan saya kata lebih daripada itu. Kemudian yang kedua, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tumpat bangun lagi, hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Pak Nik setuju (*Ketawa*).

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Kami tidak bersetuju.

Tuan Shahidan bin Kassim: .... Kawan-kawan dalam PAS ....

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau. Cuma nyatakan hendak beri atau tidak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kalau orang di tempat saya kata kalau tidak masuk PAS tidak masuk syurga, salahkah tidak salah?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini tidak boleh berdialog macam ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak boleh berdialog. Kalausalah, maknanya tidak boleh. Itu sebab saya cadangkan kepada pihak Kerajaan supaya sampai masanya kita berbuat sesuatu. Dan saya juga menyentuh kita tidak mahulah pensyarah-pensyarah yang telah dipilih

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta kawan-kawan dalam PAS tunggu, saya banyak lagi hendak bawa tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli dari Tumpat bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Memilih pensyarah-pensyarah daripada Jabatan Perdana Menteri itu, mereka yang membawa perkara-perkara berlainan yang dikehendaki oleh Kerajaan dalam usaha kita untuk menegakkan agama Islam.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau, dia bangun lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Yang Berhormat ganggu saya, nani saya bercakap sampai sejam, orang lain tidak ada peluang. Tetapi tidak mengapa, lagi panjang lagi bagus. Lagi banyak publisiti,

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Bukan mahu mengganggu Yang Berhormat. Cuma ucapan Yang

Berhormat itu mengelirukan. Dan apa yang saya tahu Yang Berhormat ini bukan ahli dalam agama, cuba bercakap tentang agama. Saya rasa bercakap tentang lain lebih baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak ahli dalam agama. Tetapi salahkah saya bercakap fasal agama saya sendiri? (*Tepuk*) Adakah yang dikatakan Islam hanya untuk orang-orang PAS. Ini pun dalam Parlimen sudah silap. (*Tepuk*) Jangankan di luar, kita kena ingat bahawa saya juga berhak. Kalau sekiranya saya tidak pandai, perbetulkan saya. Tetapi jangan menuduh saya bohong. Bohong ini very unparliamentary.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tetapi saya tidak kacau, sebab saya seorang yang baik, tidak mengganggu. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, Yang Berhormat hendak beri jalankah tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya boleh beri jalan, nanti saya bercakap terpanjang, kawan-kawan saya marah.

Tuan Pengerusi: Soalnya hendak beri jalankah. Yang lain tidak ada.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh.

Tuan Pengerusi: Ya, dia beri jalan.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Memang Yang Berhormat dari Arau baik, orangnya baik . . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bertanya buat rujukan.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Tetapi soalnya sebagaimana yang telah dibangkitkan tadi, saya telah timbulkan soalan itu, sehingga dia mengatakan bahawa apakah Islam itu untuk orang PAS sahaja. Saya tidak pernah mengatakan Islam itu untuk orang PAS.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Islam ini untuk semua.

Tuan Pengerusi: Tanya pada dia minta penjelasan. Bukan Yang Berhormat memberi penjelasan, minta penjelasan daripadanya.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Bila saya pernah mengatakan Islam itu untuk orang PAS sahaja?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak sampai 3 minit Yang Berhormat kata Yang Berhormat bukan ahli agama tidak boleh bercakap fasal Islam, semua jadi saksi. Seluruh orang dalam Parlimen ini jadi saksi Yang Berhormat kata dekat saya. Yang Berhormat tidak tahu hal agama jangan cakap. (*Tepuk*) Jadi, saya minta keluar dalam berita. Yang Berhormat kata bahawa orang yang tidak tahu tentang Islam tidak boleh cakap fasal Islam. Jadi, susahlah saya

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Yang Berhormat tidak tahu fasal ekonomi tidak boleh jual burger, susahlah macam itu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya seorang sahaja boleh jual burger. Saya juga menyentuh, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 120000 berhubung dengan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Muka surat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Mukasurat 34. Saya ulang yang semalam, Tuan Pengerusi. Saya telah menyentuh berhubung dengan Wilayah Persekutuan dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab ada dua. Saya sentuh fasal Labuan sedikit. Satu Dewan Bandaraya, yang kedua Bahagian Wilayah Persekutuan. Bahagian Wilayah Persekutuan saya dimaklumkan bossnya ialah Timbalan Menteri, Bandaraya ialah Datuk Bandar. Jadi, saya hendak tengok bagaimana fungsinya, siapa yang sebenarnya mengendalikan tentang Labuan ini sama ada Bandaraya ataupun Bahagian Wilayah Persekutuan. Ini pertanyaan saya kepada pihak Kerajaan. Saya juga mencadangkan supaya Bandaraya memberi perhatian semula kepada pembangunan-pembangunan kawasan Rizab Melayu, terutamanya di Gombak, Kampung Baru dan juga memohon tambahan kepada pihak Kerajaan supaya skim pinjaman Tanah Rizab Melayu yang diberi sebanyak \$5 juta 10 tahun yang dahulu, lepas itu tidak pernah diberi, mungkin tidak pernah diminta.

Dan saya juga minta supaya pihak Dewan Bandaraya di bawah ini memberi perhatian kepada kampung industri bumiputera. Itu yang saya tidak sebut semalam. Dan saya juga meminta supaya soal Teratai K.G. ini tidak dipanjangkan dan saya mendapat makluman bahawa yang mengetahui untuk menyelesaikan masalah ini ialah Menteri Kewangan yang telah dapat menyelesaikan banyak masalah negara. Saya percaya dia juga dapat menyelesaikan masalah Teratai K.G. ini dan supaya pihak-pihak Pembangkang tidak mengambil kesempatan untuk mencari publisiti

mudah menggunakan isu ini. Kerana kita sedia maklum pembangunan mesti diteruskan, tol mesti dikutip. Jadi dengan itu saya minta diselesaikan dengan cara elok supaya semua orang berpuas hati. Kerana kita tahu bahawa Bandaraya sebuah Bandaraya yang tercantik. Biarlah jangan terjejas dengan perkara yang sedikit tersebut.

Kemudian saya juga telah menyentuh di akhir ucapan saya semalam, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya pohon dan juga saya ingin bertanya kepada Kerajaan, KSN yang baru ini ialah seorang yang arif, seorang yang pandai dan seorang yang adil sama seperti Barisan Nasional. Saya mintalah supaya sesuatu tindakan diambil untuk meninggalkan semangat bekerja pegawai-pegawai Kerajaan dengan mempertimbangkan semula jawatan-jawatan yang telah dibekukan terutamanya di peringkat Tingkatan Kanan, Tingkatan Tertinggi G dan seterusnya supaya mereka ini boleh bekerja dengan lebih cekap lagi dan supaya mereka ini dapat menandingi kawan-kawan mereka yang bekerja dengan swasta. Kita tidak mahu mereka yang berada dalam Kerajaan yang saiznya akan diperkecilkan, kedudukan mereka rendah daripada mereka yang telah masuk di sektor swasta ataupun yang telah diswastakan. Dengan itu kita percaya kedudukan kakitangan awam kita yang telah mencapai tahap yang amat membanggakan boleh menjamin kesinambungan.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh balik berhubung dengan Butiran 010300 Lembaga Penasihat, Butiran 010200 Kabinet dan juga Butiran 05000 Bahagian Hal Ehwal Agama Islam.

Saya ingin bertanya kepada Menteri ataupun Timbalan Menteri apakah hukum dari segi Islam berhubung dengan aktiviti Kerajaan secara keseluruhannya yang telah membelanjakan dengan

begitu besar untuk perkembangan agama Islam.

Kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, ada seorang Wakil Rakyat di sini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Marang - hari ini dia tidak dapat hadir - telah mengeluarkan fatwa baru iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Dadah Berbahaya adalah perkara-perkara yang tidak mengikut hukuman hudud dalam Islam. Saya ingin menyentuh perkara ini walaupun saya tidak berapa pandai dalam bidang ini tetapi saya tahu sedikit berhubung dengan perkara-perkara "usul-fiq" atau usul fiqah, dengan izin. Dalam usul fiqah, Islam membenarkan supaya kita menggunakan principle "mussolihul mursalah", betul itu, iaitu Ulama-ulamak dibenarkan membuat peraturan-peraturan yang tidak dinyatakan dengan secara nyata dalam Al-Quran, Hadis dan juga Hadis Qudsi. Contohnya undang-undang trafik, lampu merah semua tidak ada pada zaman Nabi, sekarang ini diadakan. Jel dan sebagainya yang tidak dinyatakan dengan secara nyata. Jadi makna kata untuk tujuan muslihat umum atau muslihat awam maka principle "mussolihul mursalah" ini boleh dipakai.

Kemudian Wakil daripada Marang menyatakan bahawa ISA dan juga Akta Dadah Merbahaya ini tidak mengikut hudud Islam. Saya percaya Wakil dari Pengkalan Chepa mengetahui apa yang disebutkan perbuatan-perbuatan "khut'aq-at-thariq" ataupun perkara-perkara yang berhubung dengan penghalang keamanan, merompak, menyamun, membunuh adalah di antara hukum-hukum yang boleh kita balas dengan bunuh. Rogol berzina semualah yang boleh dihukum sampai ke hukuman bunuh.

Jadi kalau sekiranya ada perkara-perkara atau perbuatan-perbuatan berhubung dengan "khut'aq-at-thariq", dengan izin, kalau tidak boleh tulis saya beri sekejap lagi; (*Ketawa*) maka hukumannya ialah hukuman yang

mengikut hudud Islam. Hudud ini seolah-olahnya mandatori, Tuan' Pengerusi. Tetapi saya rasa ISA ini bukan sahaja penghalang kepada keamanan, dia dalam keadaan tertentu boleh menyebabkan huru-hara kepada negara, maka hukumannya lebih berat daripada yang sepatutnya. Tetapi ISA tidak, dia cuma menahan beberapa tahun untuk tujuan tertentu, selepas itu kita bebaskan kalau sekiranya kita dapati dia telahpun mengikut landasan yang dikehendaki oleh Kerajaan. Sampai ke peringkat itu kerana saya percaya ISA ini mengikut apa yang telah dibuat oleh sunnah Nabi.

Tuan Pengerusi, di zaman Nabi ada satu kesah. Ada seorang wanita . . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Haji Mobamad bin Sabu: Tuan Pengerusi terimakasih. Saya ingin penjelasan daripada Wakil Arau sahabat saya. Adakah undang-undang Malaysia sekarang ini berdasarkan kepada undang-undang Al-Quran dan Hadith mengenai hukum hudud kerana bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian dan bekas Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas telah mentafsirkan undang-undang di mahkamah, beliau mengatakan negara kita berasaskan undang-undang sekular. Apakah Kerajaan Malaysia sekarang ini di bawah undang-undang Al-Quran?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, kalau PAS hendak tanya UMNO, masuk UMNO lah. Duduk dalam PAS mesti tahulah sama ada hukum itu hudud ataupun tidak. Tetapi saya hendak sebutkan di sini bahawa perbuatan-perbuatan daripada "khut'at-thariq", mesti hukumannya ialah mengikut hudud, dalam Islam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak ada apa-apa. Cumanya saya hendak nasihat kepada sahabat saya dari Arau, saya rasa ramai lagi ahli agama dalam UMNO ini terutama Larut *im. (Ketawa)* Sepatutnya beri peluang kepada Larut bercakap. Saya kasihan, sebab sebut perkataan pun tidak betul lagi. "Massoleh" bukan "Mussoleh. *(Ketawa)* "Kutha-uthariq". Beri peluang kepada orang lainlah! "Kasihannya". *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: "Kesiee" *(Ketawa)* bukan ikut bahasa, itu pun tidak betul juga pronunciation dia. *(Ketawa)* "Kasihannya"! Saya sebut "Mussolihul mursallah"

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya sebut "Mussolihul mursallah". Tidak salah. Arab pun bukan semua Arab bandar, Arab kampung pun ada. *(Ketawa)* Mungkin Arab saya style kampung sedikit! *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Tumpat bangun pula. Yang Berhormat nanti sekejap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi janganlah, "Mussolihul mursallah" ini dalam bahasa Arab bermakna muslihat umum.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau nanti sekejap. Tumpat bangun hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya berilah, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Arau tentang kenyataannya tadi beliau menyatakan bahawasanya ISA itu tidak bertentangan dengan Islam. Dia kata zaman Nabi juga ada berlaku hal yang sedemikian. Saya rasa bagi pendapat saya, apa yang saya tahu ....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh memberi penerangan sendiri, tanya pada dia.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat dari Arau, apakah itu satu pendapat yang boleh Yang Berhormat bertanggungjawab di atas pendapat tersebut. Dan saya minta buktinya daripada sejarah Rasulullah s.a.w. dan saya minta supaya Yang Berhormat bertanggungjawab. Kalau Yang Berhormat tidak tahu, saya minta lain kali jangan bercakap tentang apa Yang Berhormat tidak tahu. Sebab itu adalah merbahaya kepada Yang Berhormat. Itu nasihat daripada saya, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya kalau dapat gertak ugutan ini tidak tahan, Tuan Pengerusi. Jangan kita menghukum orang, biar Allah menghukum saya. Saya bercakap setakat kemampuan saya yang saya dapati perbuatan-perbuatan yang menghalang keamanan atau disebut "khut'at-thariq". "Al-thariq" ini jalan. "Khut'at" ini...

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: *(Menyampuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: "Kutha'u?" Kutha'u-at-thariq *(Ketawa)* Okay?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Perbuatan yang menghalang keamanan hukumnya sepatutnya hudud.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau, cukuplah, kerana yang diucap itu bukanlah masuk dalam detail perbelanjaan yang akan dibelanjakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri adakah hukum bunuh bagi kesalahan senjatapi dan lain-lain lagi sesuai dengan kehendak Islam? Sebab kita tahu, Tuan Pengerusi, mereka ini tiap-tiap kali malah Perdana Menteri pernah meminta supaya beritahu apa dia hukum-hukum hudud dalam Islam. Mereka kata rujuk Al-Quran dengan Hadith - dia tak beri.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Arau berilah.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, sebenarnya katni sudah ajak berbagai dialog, debatpun ajak, malahan Perdana Menteri sendiri keluar kenyataan Jabatan Perdana Menteri, dia kata orang agama dalam UMNO tak berani berdebat. Sebab itulah debat dibatalkan. Kita ada black and white kenyataan Perdana Menteri, Jadi, sudahlah kalau orang agama dalam UMNO tak berani, jadi janganlah kita pula berani-berani pula cabar. Jadi, ini saya minta sekali lagi Yang Berhormat Arau desaklah Majlis Fatwa membuat suatu fatwa dalam satu-satu perkara berlandaskan al-Quran. Kita boleh terima kalau semuanya berlandaskan al-Quran dan Hadis.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Beri peluang Arau menjawab dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Arau bangun sekejap, bagi jalan terus. (*Ketawa*)

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Haji Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan sama ada beliau masih ingat bahawa semasa Ahli Yang Berhormat, waktu itu wakil dari Kuala Nerus beradadalam Parlimen dan waktu itu beliau masih berada di dalam UMNO, UMNO telah memilih beliau untuk menjadi wakil UMNO untuk berdebat dengan PAS. Tetapi malangnya bila dia masuk S.46, dia pun tak mahu berdebat dengan PAS hari ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab saya di antara salah seorang yang sama-sama berminat dan terlibat. Saya masih ingat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat dari Arau cuba beri tahu kepada Yang Berhormat dari Nilam Puri. Saya sudah beri tahu kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, balik rujuk kepada kitab Minhaj-u'-abidin karangan Imam Ghazali tentang Hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: Sesat, berbahas itu sesat, bukan UMNO takut. Sesat, Rasulullah s.a.w. kata sesat. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya setuju, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Saya ingat masuk kepada benda lain pulalah. Benda ini bukanlah ada dalam butir-butir, dalam Jawatankuasa. Apa yang diucapkan itu bukan main punya payah, susah (*Ketawa*) yang kebanyakan itu kita pun kelam kabut mendengarnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, supaya Parlimen ini difahami apa yang dikatakan masalah mursalah, muslehel qutak at tarik, fasal hudud, sekurang-kurangnya kita dapat gambaran, kita jangan bagi PAS sahaja pergi goreng dalam kampung. Susah hendak kita faham. Tetapi sekurang-kurangnya kawan-kawan saya, Tuan Pengerusi juga, semua pihak boleh mengetahui apa yang dimaksudkan perkataan-perkataan tersebut. Kalau diterjemahkan senang, perkara itu bermakna muslihat awam, penghalang keamanan, hudud berhubung hukuman-hukuman yang berbentuk mandatori, itu sahaja, bukan payah sangat. Janganlah pakai perkataan yang kita tak faham. Sekarang ini saya sudah faham, saya juga boleh tahu kalau diterjemah sahaja, saya boleh faham dan saya boleh berhujah.

Tuan Pengerusi, akhir sekali - sebab saya ingin beri peluang pada kawan-kawan - menyentuh Maksud B.11, Badan Pencegah Rasuah. Saya hendak ucap tahniah kepada BPR dan juga saya ingin meminta supaya BPR menambahkan pegawai-pegawainya dalam usaha mereka untuk menambahkan kecekapan. Saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi, berhubung dengan komen daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas sematam, seolah-olahnya kalau sesiapa yang keluar dari Barisan, maka seolah-olahnya mereka ini akan diambil tindakan dan seolah-olahnya orang dalam Barisan Nasional ini tidak boleh mengkritik Kerajaan dan sebagainya. Semalam, saya telah buktikan kepada mereka, saya mengkritik pihak Kerajaan secara terbuka berhubung dengan perkara-perkara yang kita rasa kita tidak puas hati dari segi pelaksanaan. Sampaikan kawan-kawan dalam PAS-46, dia kata, eh, kawan-kawan sama sendiri pun bantai jugakah? Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adil. Dia benarkan Pembangkang dan juga Backbencer untuk

mengkritik mereka dalam usaha kita untuk menambahkan kecekapan dan kecemerlangan, Tuan Pengerusi.

Ada satu perkara lagi iaitu berhubung dengan 01900 Yayasan Pelaburan Bumiputera yang saya percaya peruntukan yang besar itu digunakan untuk dicarumkan kepada ASN. Tetapi pada tahun 1990 dan 1991 tidak lagi caruman daripada pihak Kerajaan. Saya memohon supaya sesuatu dibuat untuk menjamin supaya penyertaan bumiputera sekarang supaya tidak ketinggalan. Oleh kerana sekarang bumiputera hanya diperjuangkan oleh Barisan Nasional, PAS sendiri walaupun dia bumiputera, S.46 bumiputera tak pernah pun memperjuangkan hak bumiputera lagi, cuma pihak UMNO dan juga kawan-kawan dalam Barisan Nasional, supaya dibuat sesuatu untuk menjamin supaya pegangan kita dalam ASN dan sebagainya, oleh kerana ASN sudah masuk pasaran terbuka, supaya kekal. Kita tidak mahu 18% yang dipegang oleh bumiputera sekarang ini, apabila mereka jual dalam pasaran terbuka apabila harga naik \$2 - \$3 selepas perang Teluk nanti, kita takut pegangan itu sudah hilang. Dengan itu, maka caruman daripada pelaburan bumiputera ini patut diadakan terus ataupun sekurang-kurangnya dimasukkan token, dengan izin, \$10.00 untuk membolehkan kita mengadakannya apabila sampai masa-masa yang diperlukan.

Saya dengan ini, Tuan Pengerusi, mengucapkan terima kasih dan menyokong Perbelanjaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Bayan Baru.

4.04 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru); Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.1, Butiran 010000 dan juga Program dan Aktiviti 10100 dan 010200.

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang untuk berbincang mengenai perkara Maksud B.1, sebab telahpun banyak disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada malam semalam. Tetapi perkara yang penting saya rasa yang perlu saya bangkitkan di sini iaitu mengenai Perkhidmatan Parlimen atau agensi Parlimen adalah satu perkhidmatan yang amat begitu penting dan satu perkhidmatan tertutup. Saya rasa, saya tak payah mengulangi bahawa semua pihak, terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah lama berada di Parlimen setama beberapa penggal telah mengetahui tentang performance ataupun kerja-kerja yang dijalankan oleh Pegawai dan kakitangan di dalam Parlimen ini. Dan saya rasa sewajarnya lah Skim Perkhidmatan bagi Pegawai dan kakitangan Parlimen ini perlu disemak semula.

Saya difahamkan bahawa pihak pengurusan Parlimen telah pun membuat rekomendasi kepada Jabatan Perdana Menteri dan mungkin sekarang dalam pertimbangan Jemaah Menteri. Saya berharap Jabatan Perdana Menteri dan juga Jemaah Kabinet akan memberikan perhatian yang serius ke arah memberikan peluang kepada semua pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Parlimen ini, diberi Skim Perkhidmatan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Ini adalah disebabkan sepertimana yang disebutkan tadi Perkhidmatan Parlimen merupakan satu perkhidmatan yang tertutup. Mereka ini tidak akan berpeluang untuk berpindah ataupun bertukar ke lain-lain Jabatan atau agensi Kerajaan. Dengan demikian, peluang untuk diberi taraf yang lebih tinggi adalah amat terhad dan lebih-lebih lagi jawatan yang terdapat di dalam Perkhidmatan Parlimen ini hanya 160 orang. Jadi, saya berharap perkara ini dititik beratkan supaya kita boleh kita menanamkan semangat motivasi, semangat yang lebih sepertimana yang kita harapkan daripada

mereka, menambahkan kecekapan dan produktiviti dan selama ini pun mereka telah menunjukkan kerja-kerja yang begitu baik dan ini perlulah kita mempertahankan dan saya berharap suatu langkah yang positif diambil ke arah memperbaiki taraf perkhidmatan seperti mana yang terdapat sekarang.

Saya hendak tambah sedikit seperti mana yang telah diserukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semalam, berhubung dengan kadar elaun "honorarium" yang sekarang dibayar \$4.50 sen ataupun diberi cuti gantian kepada mereka yang bekerja lebih daripada masa waktu pejabat. Bayaran itu adalah dianggap memang tidak mencukupi dan ini juga perlu diberikan pertimbangan untuk menaikkan kadar kepada satu kadar yang lebih wajar. Jika sekiranya kadar ini tidak boleh dinaikkan, maka saya tidak nampak apa sebab pihak pengurusan ataupun pihak Pentadbiran Parlimen, Tuan Pengerusi, tidak boleh menimbang untuk memberi mereka apa yang hak untuk mereka iaitu memberikan pembayaran elaun lebih masa.

Saya tidak nampak mengapa elaun lebih masa tidak boleh dibayar kerana ini adalah terdapat dan telahpun diberi mengikut Perintah Am Bab "G". Kadar \$4.50 ini mungkin adalah satu arahan yang lain daripada yang terdapat di dalam Perintah Am. Tidak ada kadar elaun yang seumpama ini. Mungkin ini satu elaun yang telah ditetapkan oleh JPA yang tidak boleh kita buat rujukan di mana-mana Perintah Am sekalipun. Dengan yang demikian, saya berharap pihak pengurusan akan memberi penekanan yang tebih ke arah untuk membuat rekomendasi supaya mereka ini diberi kenaikan elaun (honorarium) seperti yang saya sebutkan tadi iaitu pada kadar yang lebih munasabah ataupun mereka ini dibayar dengan elaun lebih masa.

Satu perkara yang saya rasa penting yang tidak disebutkan oleh mana-mana pihak ialah berhubung dengan perhubungan perusahaan di Parlimen. Tuan Pengerusi, saya amat berasapaling aneh kerana sepertimana yang telah diperkatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, Parlimen merupakan lambang demokrasi, Parlimen melambangkan keadilan, sedangkan apa yang telah disarankan oleh Kerajaan dan apa yang telah menjadi dasar Kerajaan, pihak Parlimen sendiri tidak mengamalkannya. Di dalam Parlimen tidak ada perhubungan perusahaan sepertimana yang tersusun seperti di Jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan yang lain. Kita tidak ada apa-apa pertubuhan pekerja yang boleh menghubungkan pihak pekerja dengan pihak pengurusan dengan secara yang lebih baik. Oleh yang demikian, untuk memendekkan cerita, saya berharap pihak pentadbiran dan pengurusan Parlimen dapat membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan di Parlimen ini menubuhkan kesatuan sekerja. Satu ketika dahulu kesatuan sekerja dibenarkan wujud di Parlimen, malangnya persatuan itu terpaksa dimansuhkan, terpaksa ditutup disebabkan halangan-halangan telahpun dibuat supaya pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di dalam Perkhidmatan Parlimen tidak boleh menubuhkan kesatuan sekerja, kecuali pekerja-pekerja yang kebanyakannya dalam kumpulan D dan lebih-lebih lagi mereka yang bekerja sebagai buruh am.

Saya memang hairan kerana kesatuan sekerja tidak menghalang sama ada mereka daripada kumpulan A yang tertentu, kumpulan B, kumpulan C dan kumpulan D. Kononnya saya difahamkan bahawa pihak pentadbiran dan pengurusan Parlimen telah mentafsirkan bahawa pekerja-pekerja di Parlimen adalah golongan di bawah kategori "Keselamatan dan Sulit" (Security and Confidential), dengan izin, dan sebab

itu kononnya mereka ini tidak boleh menubuhkan kesatuan sekerja. Kononnya, mereka ini terlibat dalam kerja-kerja sulit dan kerja-kerja rahsia yang dikendalikan oleh Parlimen. Saya tidak nampak perkara-perkara ini lojik, sebab pekerja-pekerja am yang bekerja dengan Perkhidmatan Polis, yang bekerja di Perkhidmatan Tentera yang juga terlibat dengan berbagai-bagai kerja yang dianggap sulit, tetapi mereka ini dibenarkan mengadakan kesatuan sekerja masing-masing, sedangkan di sini pegawai-pegawai kumpulan A, B dan C tidak dibenarkan. Saya pun hairan kononnya mereka ini terlibat dalam kategori "Keselamatan dan Sulit". Yang saya nampak, dokumen-dokumen di Parlimen selama saya berada di sini tidak ada apa satupun yang dikatakan rahsia, yang dikatakan sulit, cuma yang saya nampak, yang dikatakan sedikit rahsia itu adalah dokumen yang dilabelkan "EMBARGO". Selain daripada itu saya tidak nampak apa-apa urusan ataupun dokumen yang dibuat oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Parlimen ini yang dikatakan kategori "Keselamatan dan Sulit". Oleh yang demikian, saya berharap halangan untuk membenarkan pekerja-pekerja ini untuk menubuhkan kesatuan sekerja perlulah difikirkan semula dan mereka yang berada di dalam kumpulan A, B, C dan D dan yang mana mereka tidak terlibat dalam kumpulan pengurusan yang betul ataupun the core managerial group, maka saya berharap pihak pentadbiran dan pengurusan Parlimen membenarkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan ini menubuhkan kesatuan sekerja.

Kita janganlah memandang serong terhadap sebarang kesatuan sekerja. Sebenarnya penubuhan kesatuan sekerja ini perlu digalakkan kerana kita maju membenarkan wujudnya satu perhubungan perusahaan yang harmoni di mana-mana tempat bekerja, misalnya di dalam agensi Parlimen. Kita berharap dengan adanya kesatuan sekerja di dalam

Perkhidmatan Parlimen, kita akan mempunyai "interaction" ataupun perhubungan yang lebih rapat antara pegawai-pegawai dari kakitangan-kakitangan Perkhidmatan Parlimen dengan pihak pentadbiran dan pengurusan dan segala masalah-masalah yang wujud boleh diselesaikan dengan secara yang lebih baik. Kita tidak mahu mana-mana pihak menganggap bahawa Perkhidmatan Parlimen ini dijalankan oleh "one-man show" ataupun dikendalikan oleh seorang sahaja untuk Perkhidmatan Parlimen ini, seolah-olah pemikiran pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain itu tidak begitu penting untuk kita mendengar. Saya rasa kalau adanya perhubungan melalui kesatuan sekerja dengan pihak pengurusan dengan cara yang baik, maka banyak perkara yang boleh diperbaiki dalam Urusan Parlimen sendiri.

Sepertimana yang telah disebutkan semalam, berbagai-bagai cadangan tentang memindahkan kawasan Parlimen dan memperbaiki lagi perkhidmatan yang boleh diberi oleh pegawai dan kakitangan Parlimen kepada pelawat-pelawat. Ini semua penting dan saya rasa kalau kita dapat membenarkan pegawai dan kakitangan ini menubuhkan kesatuan sekerja mereka, maka saya yakin masalah-masalah itu dapat diatasi dengan lebih berkesan daripada hanya mengharap satu, dua orang yang memikirkan hal-hal seperti yang telah dicadangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semalam.

Saya berharap masalah-masalah yang menjadi sungutan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Parlimen ini tidak lagi hanya akan dibincangkan secara diam-diam, sedangkan hati mereka tidak begitu senang di dalam Perkhidmatan Parlimen walaupun pada zahirnya kita melihat perhubungan pegawai dan kakitangan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini amat baik, tetapi sebenarnya saya rasa mereka

mempunyai masalah yang besar dan masalah-masalah seumpama ini perlu diatasi dengan membenarkan mereka menubuhkan kesatuan sekerja bagi pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Parlimen.

Seperkara lagi yang saya ingin sentuh tentang urusan Parlimen, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan peranan Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen. Saya difahamkan bahawa wujud Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen untuk memberi nasihat bagi mengawasi segala perjalanan dan urusan yang melibatkan Parlimen. Sayajugadifahamkanbahawa Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen ini tidak begitu berkesan, tidak memberi apa-apa sumbangan yang boleh sama-sama kita menikmati rahmatnya, termasuk dengan membincangkan masalah-masalah yang melibatkan pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Parlimen. Saya berharap Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen dapat mengadakan mesyuarat atau perbincangan kerap kali bagi membincangkan segala masalah urusan Parlimen, termasuklah masalah dan kebajikan pegawai-pegawai dan kakitangan dalatn Perkhidmatan Parlimen.

Tuan Pengerusi, untuk memendekkan masa, saya ingin mengemukakan pertanyaan sahaja. Satu perkara yang telah menjadi kurang senang hati dan menjejaskan sedikit imej Urusan Parlimen iaitu pada tahun yang lepas pihak Badan Pencegah Rasuah telah membuat siasatan berhubung dengan kes yang melibatkan seorang pegawai tinggi di dalam Perkhidmatan Parlimen dan saya ingin tahu apakah terjadinya dengan kes itu dan apakah keputusan siasatan yang telah dijalankan itu, sama ada kes itu telah ditutup ataupun kes itu masih dalam siasatan dan tindakan.

Akhir sekali, berhubung dengan urusan Parlimen, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa

beberapa Ahli Parlimen telah bersungut kerana tidak menerima jawapan-jawapan bertulis daripada Jawapan-jawapan Mulut yang tidak dapat dijawab di sini disebabkan kesuntukan masa. Ada Ahli-ahli Parlimen tidak terima langsung jawapan bertulis daripada pihak-pihak Kementerian tertentu. Kemudian terpaksa diminta, kalau diminta baru diberi, tidak diminta tidak diberi. Saya berharap Tuan Pengerusi dan juga pihak pengurusan Parlimen akan mengingatkan Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dapat memenuhi perminlaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan bagi Jawab Mulut itu.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berhubung dengan B.8 yang ada kaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 010000 sehingga 050000 dan kemudian 080000.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang kita maklum, Jabatan Perkhidmalan Awam merupakan satu Jabatan yang amat penting bagi menentukan bahawa semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Perkhidmatan Awam bergerak dengan baik dan mencapai objektif-objektif Kerajaan. Dari apa yang kita lihat, saya rasa tidak ada satu perubahan yang besar dalam peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada keseluruhannya, saya rasa kita masih menghadapi berbagai masalah. Walaupun setiap tahun kita mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi perbelanjaan untuk pentadbiran, urusan gaji dan elaun, perjawatan, perkhidmatan, latihan, kemajuan dan lain-lain termasuk perbelanjaan untuk INTAN, kita masih menghadapi masalah-masalah yang biasa, yang tidak ada perubahan. Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa menekankan soal memberi perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah, padahal perkara-perkara ini adalah satu perkara yang diulang-ulang setiap tahun.

Pada hari ini, saya mahu menyedarkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk Menteri ataupun Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Eloklah Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula tentang program aktiviti-aktiviti yang dijalankan supaya sesuai dan seimbang, selaras dengan perkembangan semasa. Kalau dahulu, kita hanya menekankan soal kecekapan, soal kebersihan, amanah dan saya rasa eloklah pada kali ini kalau kita mahu mencapai satu pentadbiran dan perkhidmatan yang cekap dalam Perkhidmatan Awam, biarlah ia sesuai dengan perkembangan dan kehendak Kerajaan pada hari ini sepertimana yang sentiasa disebut-sebutkan oleh Kerajaan, khususnya oleh Perdana Menteri, bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam pada hari ini mempunyai tanggungjawab yang luas. Bukan hanya kita memberi perkhidmatan yang cekap untuk orang awam tetapi hari ini kita sudah tertakluk dengan konsep ataupun dasar Kerajaan iaitu Dasar Persyarikatan Malaysia. Kononnya kalau di bawah Dasar Persyarikatan Malaysia, semua rakyat Malaysia terutamanya Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dan juga pihak swasta dianggap sebagai sebuah syarikat dan masing-masing memerlukan perkhidmatan dan pertolongan antara satu dengan lain untuk memajukan negara ini sebagai sebuah syarikat.

Konsep Persyarikatan Malaysia ini bukan sahaja untuk memberi keuntungan dan faedah kepada pihak swasta tetapi juga untuk semua yang terlibat termasuk mereka yang di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Untuk mencapai objektif Persyarikatan Malaysia dengan berkesan maka kita perlu membuat perubahan yang drastic kepada pentadbiran ataupun urusan Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri sebelum kita bercakap tentang memperbaiki, tentang urusan dan peniadbiran jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya dapati bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mengambil langkah-langkah yang perlu yang harus dibuat bagi menentukan bahawa pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam seiring dengan kemajuan yang perlu kita lakukan pada hari ini. Skim-skim Perkhidmatan Awam adalah sama juga dan tidak ada usaha-usaha yang dijalankan untuk menseimbang ataupun menyelaraskan Skim-skim Perkhidmatan Awam ini dengan perkembangan semasa. Jika dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai dan kebolehan serta kemampuan sektor swasta, saya rasa seolah-olah Jabatan Perkhidmatan Awam ini telah ketinggalan jauh. Orang lain yang maju, Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk jabatan dan agensi Kerajaan menurut. Tidak ada membawa satu perubahan yang boleh kita menseimbangkan dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh pihak swasta.

Saya tidak nampak bahawa Bahagian Urusan Gaji dan Elaun telah membuat satu penyelidikan yang rapi, penyiasatan yang rapi, tentang apa yang telah diperkatakan di dalam prestasi Belanjawan. Apa yang saya lihat dan saya baca iaitu perkara yang sama juga tahun demi tahun padahal kita perlukan satu perubahan yang penting dalam menyusun struktur gaji dan elaun yang lebih sesuai dalam Perkhidmatan Awam. Disebabkan ketiadaan pengajian dan penyiasatan yang rapi berhubung dengan kedudukan Skim Perkhidmatan Awam, kita lihat bukan sahaja pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam tidak begitu senang hati malah kegemilangan Perkhidmatan Awam sendiri sudah hilang. Ramai pihak pada hari ini tidak merasa bahawa berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam adalah satu perkara yang begitu besar, begitu penting kepada mereka kerana Perkhidmatan Awam tidak lagi sepertimana yang kita anggap pada satu ketikadahulu sebagai satu perkhidmatan yang menjadi minat, kegemaran oleh semua pihak lebih-lebih lagi mereka

yang dari lepasan institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan. Tetapi pada hari ini, keadaan jauh berbeza kerana satu kajian yang terperinci tidak dibuat untuk menyemak keseluruhan Skim-skim Perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Awam sama ada mereka yang ada di dalam Kumpulan Profesional, iaitu Tingkatan Tertinggi A dan Biasa mahupun mereka yang ada di bawah Kumpulan B, C dan D, Yang kita lihat setiap 5 tahun sekali dan mungkin lebih daripada itu apa yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah semata-mata untuk menjalankan kajian ke atas pelarasan gaji. Tidak ada semakan Skim Perkhidmatan dibuat, tidak ada betul-betul sepertimana yang dikatakan dalam buku Prestasi Belanjawan berhubung dengan penyelidikan itu dan ini untuk menentukan kos sara hidup yang sebenar, sama ada kajian itu dibuat dalam negeri mahupun dari luar negeri.

Itu semua dalam "paper", dalam kertas sahaja. Saya tidak nampak kajian seumpama itu dijalankan malah setiap perubahan gaji yang dijalankan dalam Perkhidmatan Awam dari kategori Staff yang Tertinggi sehingga ke Kumpulan yang paling bawah adalah hanya sekadar menyemak cadangan-cadangan yang lelah dikemukakan oleh pihak pekerja dan kemudian diselaraskan dengan beberapa kenaikan tertentu. Itu sahaja yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya tidak menyalahkan pegawai dan kakitangan yang terlibal. Tetapi ingin saya nyatakan di sini, masalah ini wujud, kerana mereka tidak dapat menjalankan penyiasatan untuk menyemak segala Skim Perkhidmatan sesuai dengan konsep dan dasar Kerajaan Persekutuan Malaysia disebabkan pertukaran pegawai terlampau kerap dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam duduk di sana 2-3 tahun,

menunggu untuk kenaikan pangkat dan berpindah pula ke Jabatan yang lain, disebabkan kenaikan pangkat, terutamanya mereka yang berada dalam Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik ada ditukar dari masa ke semasa. Mereka menunggu di situ hanya semata-mata untuk menunggu peluang kenaikan pangkat kemudian ditukar. Bilakah ada masanya, Tuan Pengerusi, bagi pegawai-pegawai seumpama ini untuk menjalankan satu siasatan, satu kajian yang rapi bagi menyemak Skim Perkhidmatan? Sebab itu kita lihat apa yang dilakukan ialah hanya sekadar membuat pelarasan gaji pada tiap-tiap lima tahun sekali dan kadangkala lebih. Ini adalah satu cara yang tidak memuaskan. Jadi eloklah saya rasa Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawai tinggi dalam Jabatan Perkhidmatan Awam memberi satu perhatian yang serius ke arah perkara ini, jika sekiranya bea-bcnar mahu mencapai matlamat Dasar Persyarikatan Malaysia.

Kalau Jabatan Perkhidmatan Awam tidak boleh memperkemaskan dirinya, kalau jabatan dan agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam tidak boleh memperbetulkan dirinya, masakan Jabatan Perkhidmatan Awam dan agensi-agensi Kerajaan yang lain dapat menyumbangkan satu bantuan yang kukuh untuk memajukan pihak swasta dan lebih lanjut lagi bagi memajukan ekonomi negara. Ini adalah kerana apa yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ada pertalian dengan lain-lain perkembangan dan kemajuan di negara ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan beberapa masalah yang terdapat di dalam Jabatan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang saya rasa terkilan, pihak pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam seolah-olah buat macam tidak sedar dan tidak tahu, tetapi kalau dibincang mereka sedar dan mereka tahu, tetapi tidak ada tindakan yang sewajarnya diambil iaitu tentang

masalah pegawai-pegawai dan kakitangan kayu mati dalam Perkhidmatan Awam.

Saya tidak mengatakan pegawai-pegawai kayu mati dalam Perkhidmatan Awam ini malas, segan ataupun tidak mahu berkerja. Mereka menjadi pegawai atau kakitangan kayu mati kerana mungkin ada sebab-sebabnya. Antara sebab-sebabnya mereka ini merasai frust, kecewa, hampa. Ada antaranya sebab tidak dinaikkan pangkat, ada juga seperti disebutkan semalam oleh seorang Yang Berhormat, yang dimasukkan ke bilik sejuk dan orang yang lebih junior, lebih rendah, lebih baru, kemudian dinaikkan pangkat. Ada di antaranya yang sudah sedar bahawa dia sudah tidak boleh naik pangkat dan jika bekerja macam mana teruk pun sudah mati pangkatnya. Antaranya seperti dalam perkhidmatan tertutup, tidak boleh naik pangkat, kerja terukpun tidak boleh naik pangkat, apa hendak kerja? Sebenarnya mereka ini bukan golongan malas ataupun tidak berdaya maju, tetapi sebenarnya mereka telah merasa kecewa, hampa dan dengan sebab itu mereka menjadi kayu mati. Kalau kita hendak kaji hal ini dengan mendalam, kalau kita hendak mengira dari segi Jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi Kerajaan, saya rasa golongan pegawai dan kakitangan kayu mati ini mungkin berpuluh-puluh ribu orang. Dalam masalah yang penting ini, kalau kita ada pegawai dan kakitangan kayu mati, kalau pegawai itu mengetuai satu bahagian atau satu unit dalam sesuatu Jabatan atau agensi, merekakeseluruhanpegawaidan kakitangan di bawah ketua yang dianggap sebagai kayu mati itu akan terjejas dan lemahlah segala jentera yang ada di dalam unit atau bahagian itu. Lebih-lebih lagi kalau kita ada pegawai kayu mati yang menjadi ketua agensi di dalam satu tempat, keseluruhan perkhidmatan di dalam Jabatan atau agensi itu juga akan turut lemah. Inilah sebabnya kita lihat berbagai masalah disiplin telah wujud seperi pegawai-pegawai yang tidak berdisiplin.

Kedudukan masalah pegawai dan kakitangan kayu mati ini jika tidak diperbetulkan, saya rasa ia akan membawa kepincangan yang lebih besar kepada Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mengambil perhatian yang serius sama ada untuk memperbaiki dan mengubahkan supaya yang kayu mati itu tidak menjadi kayu mati, ataupun mencari jalan untuk membersarakan mereka yang dianggap kayu mati supaya mereka berpeluang untuk menggunakan kepandaian, pengalaman yang ada pada mereka agar mereka dapat hidup semula di dalam bidang-bidang yang lain, mungkin di dalam bidang perniagaan dan sebagainya,

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah itu, disebabkan Skim-skim Perkhidmatan, elaun dan lain-lain masalah yang tidak begitu memuaskan di dalam Perkhidmatan Awam keseluruhannya, kita juga melihat masalah-masalah lain seperti pegawai dan kakitangan menjalankan kerja sampingan atau "moon tighting", dengan izin.

Tuan Pengerusi, perkara ini amat ketara, dan semua orang tahu. Ketua Jabatan Perkhidmatan Awam pun tahu bahawa pegawai-pegawai yang rendah melibatkan diri dalatn pemiagaan seperti di pasar-pasar malam. Ada pegawai yang lebih cergas dan cckap sedikit menjadi broker, agen ataupun terlibat sebagai penjual secara langsung, (direct sale) ke atas barangan-barangan dari syarikat-syarikat tertentu. Ini satu perkara yang tidak baik, ia boleh menjejaskan Perkhidmatan Awam yang kita harap dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai dan juga kepada kepentingan negara. Tetapi perkara ini mnjadi satu lumrah, satu perkara biasa disebabkan pekerja-pekerja ini tidak mendapat upah ataupun gaji yang cukup bagi menampung keperluan keluarga masing-masing. Sebab itu perkara-

perkara ini wujud. Saya rasa mereka ini juga ada maruah, mereka ini juga hendak hidup seperti orang lain yang mempunyai maruah, yang ada standard, tetapi disebabkan masalah kekurangan pendapatan, mereka terpaksa menjalankan kerja-kerja ini walaupun terpaksa berjaja di pasar malam. Perasaan malu sudah hilang, perasaan menjaga kualiti sebagai pegawai Perkhidmatan Awam sudah hilang, oleh kerana pendapatan yang kurang dan terpaksa hidup, dan inilah yang mendesak mereka menjalankan kerja-kerja sampingan atau, dengan izin, moon lighting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Ahmad bin Nor: Tidak panjang, saya cuba habiskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap panjang sangat itu.

Tuan Ahmad bin Noor: Kemudian, saya hendak menyentuh mengenai bahagian latihan dalam perkhidmatan. Kita ada dua latihan - satu latihan pra-perkhidmatan dan satu lagi latihan dalam perkhidmatan. Saya cuma hendak menekankan soal latihan dalam perkhidmatan.

Sebenarnya saya dapati bahawa kebanyakan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di bawah pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Awam bukan semuanya ada menjalankan latihan dalam perkhidmatan. Ada pegawai dan kakitangan Kerajaan yang setelah bekerja dengan Kerajaan 10-15 tahun tidak pernah hadir sebarang latihan, tetapi dalam buku ini peruntukan semuanya ada. Kadang-kadang saya pun naik tidak faham tahun demi tahun diadakan, tetapi apakah yang sebenarnya? Mungkin ada setengah-setengah Jabatan dan agensi Kerajaan yang mengadakan latihan dalam perkhidmatan ini untuk tugas-tugas ataupun jawatan-jawatan tertentu.

Tetapi pada keseluruhannya tidak semua pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang dapat menghadiri sebarang latihan dalam perkhidmatan.

Saya dapati bahawa kebanyakan pegawai-pegawai dan kakitangan ini yang terpaksa mengambil peperiksaan, sama ada peperiksaan Jabatan pertama ataupun peperiksaan Jabatan kedua, mereka terpaksa berusaha sendiri, untuk melatih diri sendiri, membuat rujukan dan bacaan di sana sini, kerana mahu lulus peperiksaan Jabatan yang pertama ataupun yang kedua. Selain daripada itu, tidak ada sebarang bimbingan dan latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedemikian.

Seterusnya - tidak banyak, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit tentang Butiran 08000 dan termasuk sekali dengan Perbelanjaan Pembangunan P. 8, Butiran 00100 iaitu berhubung dengan aktiviti Institut Tadbiran Awam Negara ataupun INTAN.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas kepada INTAN yang telah menjalankan peranan yang begitu amat penting dan berkesan ke arah memajukan taraf perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam, tetapi saya ingin mencadangkan supaya segala urusan ataupun program latihan yang dianjurkan oleh INTAN perlu diperluaskan terutamanya di peringkat Wilayah. Apa yang ada sekarang ini saya rasa masih terhad, tidak memberi peluang kepada lebih ramai pegawai dan kakitangan yang patut mengikuti kursus INTAN dapat hadir.

Untuk meringkaskan masa, saya cadangkan supaya semua pegawai dan kakitangan daripada peringkat penyeliaan sehinggalah pegawai-pegawai tertinggi diberi peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang

dianjurkan oleh Institut Pentadbiran Awam mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan yang ada di dalam Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin membuat pertanyaan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Perjawatan mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berat tetapi banyak masalah yang belum lagi diselesaikan, terutama sekali berhubung dengan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai kakitangan sementara dalam Perkhidmatan Awam yang khusus saya hendak sebutkan di sini ialah tentang pegawai dan kakitangan Majuternak yang telah dibubarkan pada tahun 1982 pada hal arahan telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menyerap semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang mana pada ketika itu dalam jawatan sementara, tidak kira mana jabatan dan agensi termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Majuternak diserapkan untuk diberi jawatan tetap. Arahan itu keluar dalam tahun 1979 tetapi sehingga hari ini masih ada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Majuternak dahulu yang masih menjadi kakitangan sementara di Rumah Sembelih, Shah Alam - ramai, bukan sedikit. Belum lagi saya mendapat maklumat tentang pekerja-pekerja di negeri lain, ini baru setempat, dan mereka ini masih menjadi kakitangan sementara dan ada masalah-masalah yang timbul. Kerana apa masalah-masalah itu tidak diselesaikan dan saya harap Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab pada hal ini mengambil tindakan yang serius untuk mengatasi perkara ini dengan segera.

### 5.13ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang sekejap untuk menyentuh satu dua

perkara dan saya terus merujuk kepada B.7, mukasurat 32, 33, Butiran 040000 - Keselamatan Negara, Butiran Kecil 040200 - Pasukan Petugas Anti Dadah, peruntukannya \$3,229,000, rujukan Buku Program dan Prestasi atau Kertas Perintah 20, mukasurat 448 (c) - Aktiviti Petugas Anti Dadah.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini sudah acap kali saya membuat teguran kepada Kerajaan dan Kerajaan sendiri pun telah mengambil langkah-langkah dalam usaha membasmi najis dadah ini dengan meminda Akta-akta dan menambah peruntukan-peruntukan seperti dalam butiran yang ada di hadapan kita sekarang ini. Walau bagaimanapun tidak keterlaluan kalau saya katakan Kerajaan masih gagal dalam usaha pembasmiannya sekalipun Kerajaan tidak akan bersetuju dengan kenyataan saya ini.

Tuan Pengerusi, saya berani berkata demikian berdasarkan pada apa yang berlaku sekarang. Saya tidak tahu apakah punca sebenar yang menyebabkan kegagalan ini masih berlaku sedangkan hukuman terlampau berat bukan setakat bunuh, tetapi merampas harta-benda mereka yang terlibat sudah melampaui dan lebih daripada hukum Islam yang ditakut-takut oleh pihak pelajar sendiri.

Inilah, Tuan Pengerusi, yang membawa saya bangun pula petang ini untuk menarik perhatian Kerajaan lagi moga-moga mendapat perhatian sewajarnya. Mengikut maklumat yang terdapat sekarang, penagih dadah ada seramai 145,000 orang, begitu juga peminum arak atau penagih alkohol ada mempunyai seramai 200,000 orang dan dari Pusat Penyelidikan Dadah dan ubat-ubatan USM terdapat angka-angka penyalahgunaan seramai 450,000 orang. 20% yakni 90,000 menggunakan suntikan dan dalam WATAN dua tiga hari lepas, ada kenyataan yang menyiarkan, pihak polis telah merampas harta \$700,000 di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, Kerajaan melalui PEMADAM memanggil mereka yang terlibat dengan dadah untuk memberi ceramah kepada penagih dadah di Pusat Serenti. Misalnya Jamal Abdillah yang disahkan penagih, selepas membimbing penagih ternyata ia sendiri masih penagih hingga ke hari ini. PEMADAM memanggil Amy dan Kumpulan Search untuk memberi ceramah kepada penagih, sedangkan kumpulan ini sudah dua tiga kali ditangkap kerana disyakki penagih dadah. Ceramah ini disiarkan pula melalui Warta Berita TV3. Kerajaan cuba menggambarkan Kumpulan Search adalah orang baik sedangkan pihak polis sentiasa mengintip, mereka disyakki terlibat dalam dadah. Bagaimana tikus hendak membaiki labu? Sekarang 32 orang artis pula terlibat dengan dadah. Ini laporan polis. Kalau dahulu orang-orang awam, murid-murid sekolah, anggota polis dan askar-askar terlibat dengan najis dadah tetapi sekarang artis-artis pula terlibat najis dadah ini. Kesemuanya ini Kerajaan tidak boleh nafikan dan terbukti usaha Kerajaan selama ini gagal dan sasarannya tidak tepat.

Dahulu saya mengatakan penyakit ini adalah penyakit rohani. Cara untuk mengubati dan merawatnya mestilah melalui pakar doktor rohani dan Kerajaan tidak akan berjaya hanya melalui ubat Akta dan peruntukan semata-mata seperti yang dilakukan sekarang. Bahkan ia akan menjadi sia-sia sahaja. Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan lebih banyak program-program kuliah, usrah dan latihan rohani seperti kiamullail, berzikir banyak-banyak dan sebagainya kepada penagih-penagih yang beragama Islam dan jemput penceramah-penceramah yang berkemampuan untuk membimbing mereka dengan sebaik-baiknya. Bukan penagih membimbing penagih dan tidak pernah berlaku dalam dunia yang begini tua orang sakit mengubat orang sakit sekalipun ianya doktor pakar. Kalau Kerajaan tidak

cukup tenaga jemputlah kami orang-orang PAS untuk memberi ceramah sama, ihsya Allah kami bersedia memberi kerjasama dengan Kerajaan dan pernah satu ketika dahulu, Timbalan Menteri Dalam Negeri mencabar saya dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan kerjasama. Tetapi bila saya sahutcabaran ini, malang sampai ke hari ini saya tunggu tidak ada, reaksi pun tidak ada. Barangkali Timbalan Menteri tidak lupa lagi sebagai orang muda, berani. Petang ini saya tawarkan sekali lagi kepada Kerajaan khususnya Timbalan Menteri yang tidak ada di hadapan saya pada petang ini. Kalau untuk mendapatkan kerjasama dari kami dan kalau Kerajaan masih percaya dengan keikhlasan dan kemampuan kami, berilah peluang sebaik-baiknya.

Saya menyentuh perkara ini kerana mengikut pandangan dalam pegangan kami ataupun dalam Islam yang kita anuti kesemuanya, ia merupakan satu tapak di mana kekuatan tapak ini tidak dapat dibina, maka segala usaha yang dilakukan dengan apa bentuk dan rupa sekalipun dan bagaimana cantik dan indah sekalipun, dia tidak akan kekal khususnya pembangunan-pembangunan yang diatur dan disusun oleh Kerajaan terutama sekali yang kita bahaskan dalam Budget berhari-hari untuk melihat Malaysia ini berjaya dan sebagainya. Saya percaya ia tidak akan berjaya selagi usaha untuk membanteras penyakit-penyakit rohani ini tidak dapat dan tidak kena pada sasarannya.

Tuan Pengerusi, dalam B.7 juga Butiran 050000, mukasurat yang sama, Bahagian Hal Ehwal Islam peruntukan sebanyak \$59,576,500 rujuk Kertas Perintah 20 Buku Program dan Prestasi, mukasurat 449 Program Hal-Ehwal Islam (a) Aktiviti Urusetia I (i) Jawatankuasa Patwa, mukasurat 450 - (c) Aktiviti Penyelidikan Islam di bawah Prestasi Aktiviti perkara Penyelidikan Akidah, Ajaran Sesat Islam/Video.

Dalam Buku Program dan Prestasi, saya amat tertarik kerana saya nampak lengkap dengan beberapa dan berbagai-bagai aktiviti mulai daripada Aktiviti Urusetia I, Aktiviti Urusetia II, Aktiviti Penyelidikan Islam, Aktiviti Ajaran Sesat, Aktiviti Dakwah, Aktiviti Pengajian Al-Quran, Aktiviti Masjid Negara, Aktiviti Penerbitan, Aktiviti Pentadbiran dan Penyelarasan, Aktiviti BAHEIS Sabah dan Aktiviti BAHEIS Sarawak. Program dan Prestasi ini sudah cukup bagi Kerajaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam usaha untuk membangun ummah dan perkembangan agama Islam, apa lagi untuk memberi perkhidmatan urusetia yang cekap dan berkesan bagi budan-badan yang ditubuhkan oleh Jabatan.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya tidak berpuas hati dan amat dukacita melihat keadaan yang berlaku di sekitar tanahair hari ini, Kita masih tidak nampak kesan positif dan tidak ada panduan yang jelas yang boleh membawa ke arah program-program yang tercatat dalam buku ini.

Contohnya, Tuan Pengerusi, dalam masalah fatwa Kerajaan tidak pernah bertindak awal dan bersikap tegas untuk memandu rakyat supaya mengenal hak kebenaran sesuatu hukum, sama ada benar atau tidak dan tidak sanggup berterus-terang dengan apa yang dinaskan oleh hukum sehingga rakyat terumbang-ambing, hilang punca, meraba-raba, berkelahi di antara satu sama lain, lebih-lebih lagi bila menyentuh periuk nasi Kerajaan dan terkena perut Kerajaan sendiri, pantang Kerajaan mengeluarkan fatwa, seperti ASN, loteri dan sebagainya. Ini membuktikan Kerajaan terlampau lemah bahkan Kerajaan nampaknya tidak berminat untuk melihat perkembangan Islam dan kemajuan agama berlaku dalam tanahair sendiri. Kerajaan lebih suka melihat gejala-gejala maksiat dan amalan-amalan munkar yang bertebaran hidup dalam negara di mana Kerajaan sendiri mengepalai dan mengeluarkan

lesen-lesen kemudahan. Apakah Kerajaan tidak pernah kaji sejauh mana peranan dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Jabatan dan badan-badan berkenaan. Apakah Kerajaan sudah berpuas hati dengan usaha-usaha yang sudah dilakukan sekarang oleh mereka? Saya minta Kerajaan kaji balik dan menggembelikan tenaga sepenuhnya dalam menentukan kejayaan program-program ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan \$59 juta lebih dalam bahagian ini akan hilang percuma sekiranya perhatian dan tindakan positif tidak dilakukan dengan betul dan tepat dengan sasarannya. Mengapa Kerajaan tidak peka dan sensitif dengan benda-benda yang jelas haram dan salah dari segi hukum syarak? Mengapa Kerajaan tidak berani tegas bertindak? Jawab saya, kerana sebahagiannya menjadi amalan Kerajaan dan bimbang takut terbantut cita-cita dan tujuan buruk dan jahat Kerajaan. Dan juga bimbang takut rakyat tidak memihak kepada Kerajaan. Yang paling aneh, Kerajaan lebih suka mengambil dan menimbulkan masalah-masalah dan perkara-perkara yang remeh-temeh dan yang ada nas, syarak tidak bercanggah tetapi itulah yang diheboh-hebohkan kerana terjejas dengan kedudukan Kerajaan....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar, ada yang bangun di belakang sana. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolch.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Pengerusi, tadi saya mendengar Ahli dari Pengkalan Chepa memasukkan ASN di dalam senarai perkara-perkara yang dianggap

bersalahan ataupun haram. Adakah Ahli dari Pengkalan Chepa menghukumkan ASN itu haram?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara ini saya ulang bangkit petang ini sedangkan perkara ini sudah lama saya bangkitkan. Dalam tahun lepas lagi saya sudah menimbulkan masalah ini dalam Dewan ini dan saya minta fatwa daripada Kerajaan kerana saya anggap Kerajaan mempunyai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Jabatan ini bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah agama.

Saya kata sepatutnya ASN ini mendapat fatwa daripada Mufti-mufti, mendapat fatwa daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, kemudian laksanakanlah apa-apa projek dan rancangan Kerajaan, lebih-lebih lagi projek besar yang menguntungkan kepada rakyat. Tetapi dukacita dalam Malaysia ini ada 13 Mufti, ada Jabatan Agama, ada Majlis Agama, Kerajaan tidak minta fatwa. Bila ditimbulkan masalah ini dan ada pandangan yang mengatakan haram, pertama sekali kami jawab soalan ini, bagi kami, PAS, ASN ini haram. Jangan tanya saya. Kalau hendak lebih jelas, buat fatwa, panggil Mufti-mufti. Bagi saya, orang PAS, parti saya, hukumnya haram. Tetapi Kerajaan tak berani, kerana apa, periuk nasi Kerajaan. Kerajaan fikir untung, Kerajaan fikir laba, Kerajaan tikir poket, Kerajaan fikir perut. Bukan Kerajaan fikir kedudukan rakyat, kejernihan rohani, tidak. Itulah jawapan saya, Tuan Pengerusi.

Yang paling aneh, Tuan Pengerusi, Kerajaan lebih suka mengambil dan menimbulkan masalah-masalah dalam perkara remeh-temeh dan yang ada nas, syarak, tidak bercanggah, tetapi itulah yang diheboh-hebohkan kerana terjejas kedudukan Kerajaan, seperti perkataan 'Islam' yang adapada PAS, menyambut hari peristiwa Memali, rancangan

Kerajaan PAS dan Angkatan untuk mengkaji kedudukan pekerja-pekerja wanita di kilang, tindakan Kerajaan Kelantan tidak mahu menghantar peserta wanita dalam Pertandingan Al-Quran dan rancangan untuk melaksanakan hukum-hukum hudud dengan meminda Perlembagaan yang kesemuanya ini menjadi kewajipan kita umat Islam mengkaji dan melaksanakan dengan baik dan bijaksana dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Tetapi sayang, kes pandangan ustaz Mohamad Awang mengenai Memali, maka Mohamad Awang pula diserang, diburu dan mungkin akan diambil tindakan tatatertib kerana bercanggah dengan peraturan sebagai pegawai.

Jadi, perkara-perkara seperti inilah nampak Kerajaan serius, bersungguh. Tetapi perkara yang tentu haram seperti judi, arak, maksiat, bercanggah yang Kerajaan sendiri berusaha, tak ada siapa pun yang mengambil tahu. Seperti kelmarin, wakil dari Arau cuba lagi menimbulkan masalah perkataan "Islam". Apa yang sibuk dengan perkataan ini dan hari ini cuba hendak jadi ustaz, cuba hendak jadi profesional, belajar pagi ini, pagi ini juga menembak. Orang training 6 bulan belum tentu lagi tembak kena sasaran, tetapi dia hari ini belajar dari ustaz di sebelah saya ini (*Ketawa*), bangun dan angkat senjata tembak.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*) (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli dari Pengkalan Chepa, saya beri penjelasan sekarang. Bukan dia belajar dari saya, kalau dia belajar dari saya mungkin dia juga peguam dan seorang specialist dalam agama.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih. Ertinya Wakil Arau ini tak ada gurulah. (*Ketawa*) "Siapa yang tak ada guru, syaitan guru dia". Terima kasihlah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya sungguh dukacita cara Kerajaan dan hari ini setakat Kelantan diperintah oleh Angkatan, saya hendak bercakap sedikit sekejap lagi.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, masalah fatwa yang dibangkitkan oleh Ahli Pengkalan Chepa adakah PAS akan menerima fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Kerajaan, kerana kalau PAS menerima fatwa yang diputuskan oleh Kerajaan tentulah pihak PAS akan menerima hakikat bahawa apa yang berlaku di Memali tidak patut diulang kembali? Jadi, kalau PAS tidak boleh menerima fatwa, buat apa hendak minta fatwa daripada Kerajaan buat keputusan?

Tuan Haji Nik Abdullab bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan terima fatwa daripada Kerajaan. Saya akan terima fatwa daripada Mufti-mufti mengikut hukum syarak. Kalau ada sandaran Al-Qui'an atau Hadis atau muafakat dengan Ijmak, Qias, saya akan terima. Tetapi kalau dengan Kerajaan, sebab Kerajaan ini tidak ada hukum dan dia tidak pegang dengan hukum, macam mana saya ikut. Hukum Memali yang dikeluarkan oleh Patwa Kedah, kita boleh penikai. Itu fatwa yang dipaksa. Oh! hendak bukti kebenaran, saya hendak cari meja, bawa kitab. Saya berterus-terang, saya tidak mahu benda yang membawa kita sendiri tidak faham. Dan bagi saya, sebagai pemimpin, tanggungjawab saya menyelesaikan masalah, bukan tanggungjawab saya menimbulkan masalah.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Bercakap mengenai fatwa, saya ingin tahu dari Wakil Pengkalan Chepa,

adakah amanah Haji Hadi boleh diterima, sedangkan pihak Kerajaan telahpun mengeluarkan fatwa bahawa apa yang disifatkan sebagai amanat Haji Hadi itu memecahbelah rakyat.

Tuan Haji Nik Abdullab bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, sebenarnya awal-awal lagi pihak Kerajaan tidak faham. Mengikut undang-undang khususnya undang-undang agama di Negeri Kelantan, tidak siapa boleh keluarkan fatwa dan tidak siapa yang berhak mengeluarkan fatwa sesuatu hukum mengenai Islam. Yang berhak mengeluarkan fatwa ialah Majlis Agama, Mufti. Sebab itulah Haji Hadi tidak pernah keluarkan fatwa. Ustaz Nik Aziz tidak pernah keluarkan fatwa, dan tidak ada siapa dalam orang PAS hatta Majlis Dewan Ulama kita, Majlis Syura kita, kita tidak pernah memainkan peranan untuk mengeluarkan fatwa. Yang ada pandangan, fikrah daripada kita berdasarkan kepada nas. Kita tidak boleh keluarkan fatwa, tetapi setengah-setengahnya sengaja pihak Kerajaan memutarbelit, mengelirukan—serupa, samalah hari ini ada satu tenaga khususnya yang mengambil peranan untuk memutarbelit, khusus kedudukan Ustaz Nik Aziz hari ini. Hari ini ada kenyataan yang ditulis oleh seorang professor mengatakah fatwa Ustaz Nik Aziz mengelirukan, minggu lepas. Hari ini mengikut fatwa Ustaz Nik Aziz orang perempuan akan jadi alat apa kepada orang lelaki, tidak lahulah, kerana pada suara itu aurat kata dia. Dia tidak berdepan dengan Ustaz Nik Aziz, dia tidak dengar cerita Ustaz Nik Aziz. Dia ambil hujah dalam suratkhobar yang sudah dipuuirbelit oleh suratkhobar, terutama sekali *Utusan Melayu* alat Kerajaan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada yang bangun. Sebenlar Yang Berhormat

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa mengatakan PAS tidak pernah mengeluarkan fatwa. Tetapi baru sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa juga mengatakan mengikut PAS, ASN itu haram dan pula PAS boleh menolak fatwa Majlis fatwa Negeri Kedah. Menolak fatwa, ertinya juga mengeluarkan fatwa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Payah, Tuan Pengerusi, bercakap dengan orang yang tidak faham. (*Ketawa*) Saya kira sudah faham apa yang saya sudah beri. Pertama saya kata orang PAS tidak pernah berfatwa. Cuma suratkhbar memularbelitkan. Pemimpin-pemimpin UMNO memutarbelitkan. Dan tidak boleh keluarkan fatwa, tidak ada hak bagi kita. Salah dari segi undang-undang Majlis Agama ....

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa lagi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, saya minta izin minta penjelasan. Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa dekat dengan Terengganu. Saya dari Terengganu. Tadi katanya PAS tidak pernah keluarkan fatwa, sedangkan pengikut PAS di Terengganu telah menjadikan 32 buah kelab PAS tempat mendirikan Sembahyang Jumaat. Dan ada orang di kawasan saya, sudah 7 tahun tidak menunaikan Sembahyang Jumaat, kerana terlalu jauh tempat yang dia pergi (Kelab PAS). Dan ada orang kalau pergi

dengar ceramah PAS, balik ke rumahnya hendak cekek tekak ibubapa dia, dan suruh ibubapanya kahwin semula. Apakah yang dicakap ini sama seperti bikin? Sebab itu, Tuhan tidak redha apa yang dicakap oleh Yang Berhormat itu dan Tuhan tidak beri dia berjaya di dunia ini. Sebab itu PAS berkelahi dengan Semangat 46 di Kelantan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa dia, Tuan Pengerusi, tidak faham. (*Ketawa*) Apa kena mengena dengan cerita saya ini? Saya tidak faham.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Penjelasan saya. Saya ingat kalau apa yang saya kata itu Ahli Yang Berhormat tidak faham, ini bermakna Yang Berhormat pandai mengajar kitab sahaja, tidak layak hendak memerintah negeri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Apa kena mengena dengan cerila saya. Saya lanya cerita ini apa kena mengena?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta perbahasan ini....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Macam bermimpi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta perbahasan ini dihadkan kepada butir-butiran yang tertentu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak rujuk kepada butiran yang saya bangkitkan sekejap tadi. Tetapi pihak Kerajaan tidak mahu dengar hujah. Sepatutnya beri peluang kepada saya. Sebab kalau saya kata apa pun Kerajaan tidak ikut. Cuma saya menyelesaikan tanggungjawab dan kewajipan itu sahaja. Kerajaan tidak ikut. Jangankan saya, Quran pun dia tidak pakai.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada lagi yang bangun di sana. Hendak beri jalan, Yang Berhormat? Beri jalan?

Tuan Rubanie bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya masih belum puas dengan penjelasan Wakil dari Pengkalan Cepa. Oleh kerana sebagaimana yang diketahui oleh umum, apa yang dikatakan sebagai amanat Haji Hadi itu dikeluarkan oleh PAS dan iktiraf oleh ahli-ahli PAS sebagai fatwa, jadi, kalau PAS tidak mengeluarkan fatwa, adakah wakil dari Pengkalan Cepa akan menarik balik apa yang dikatakan sebagai amanat Haji Hadi itu?

Tuan Haji Nik Abdullab bin Haji Arshad: Saya terima kasih sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya ulangi, saya kata, kita tidak kata fatwa, orang yang mengatakan Haji Hadi keluaran fatwa. Haji Hadi tidak mengeluarkan fatwa, dia beri pendapat mengikut akidah. Dan itu merupakan satu pegangan. Apakah kita tidak ada pegangan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat sudah cukuplah. Teruskan dengan butiran-butiran yang tertentu.

Tuan Haji Nik Abdullab bin Haji Arshad: Cukuplah, minta jangan ganggu. Pergi ke pondoklah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan ucapan Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, kelmarin Wakil dari Arau sibuk dengan perkataan Islam dalam Dewan ini. Hari ini masih timbul lagi. Dan inilah benda yang selalu timbul dan dibangkitkan, sedangkan perkara ini tidak harus ditimbulkan kerana perkara ini jelas bercanggah dengan hukum. Perkara yang menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan dan

kepada umat Islam semua tidak pernah ditimbulkan dan tidak pernah dibangkitkan. Sepatutnya itulah, seperti saya kata benda haram. Misalnya saya kata baru-baru ini suratkhbar mengeluarkan kenyataan usaha dari pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam mengenalpasti beberapa ajaran sesat dan telah menyenaraikan berpuluh-puluh ajaran sesat. Tetapi mengenai usaha Kerajaan dalam menyenaraikan ajaran sesat ini, saya ingin tahu sejauh mana Kerajaan telah mengambil langkah dan membuat penyiasatan bagi mengenal pasti dan sejauh mana tindakan-tindakan yang telah dilakukan ke atas mana-mana ajaran yang telah dikenalpasti oleh Jabatan. Sebab, ada dua perkara yang menimbulkan tandatanya bagi dua perkara itu?

Pertama, masalah penyiasatan dan penyelidikan. Kedua, masalah tindakan dan hukuman, kerana setahu saya walaupun saya tengok dalam akhbar, berpuluh-puluh telah disenaraikan ajaran-ajaran sesat. Tetapi mengikut penyelidikan dan penyiasatan, saya nampak pihak berkenaan tidak mengambil tindakan sepenuhnya, kerana dalam Dewan ini dahulu saya sudah tanya, kalau Kerajaan hendak buktikan ajaran sesat, apakah dasar ideologi fahaman-fahaman mengenai politik tidak terlibat dengan ilmu, tidak terlibat dengan pelajaran kalau terlibat dengan ilmu terlibat dengan pelajaran, apakah dia tidak boleh dikaitkan dengan ajaran sesat? Kalau dia boleh dikaitkan dengan ajaran sesat, bagaimana pandangan Jabatan Hal Ehwal Agama Tslam? Bagaimana mengikut kehendak fatwa syarak, apakah ajaran yang diperjuangkan oleh manusia, ideologi-ideologi yang dibawa oleh manusia, mana ideologi yang sesat, mana ideologi yang tidak sesat. Cuba keluaran fatwa. Tetapi Kerajaan tidak berani. Jabatan Agama sendiri tidak bertanggungjawab mengkaji dan mendedahkan. Bahkan hukum hudud yang dikehendaki oleh Kerajaan

sendiri, mengadakan Sidang Ulama di seluruh Malaysia bertempat di Kedah dahulu telah mengeluarkan hukum hudud mesti dilaksanakan dan layak Kerajaan melaksanakan.

Tetapi sampai hari ini hilang begitu sahaja. Alih-alih apabila Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah memerintah Kelantan dan cuba hendak memperkenalkan cita-cita Islam yang menjadi asas kepada perjuangan, banyak mendapat teguran. Dan hukum hudud ini tidak perlu, tidak boleh, kerana bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Apakah Kerajaan kalau hendak kepada Islam, tidak boleh pinda Perlembagaan Malaysia? Kerajaan ada dua pertiga, kalau sama-sama berhasrat dan kenapa pada hari ini apabila Kerajaan Kelantan cuba mengharamkan judi dan arak maka Sarawak pun cuba dan negeri-negeri lain pun cuba. Sarawak sudah keluar kenyataan. Dan banyak negeri-negeri akan mencontohi.

Mengapa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Pusat sendiri tidak laksanakan? Kalau benar inilah konsep kita, inilah matlamat kita, inilah tanggungjawab kita, inilah kewajipan kita, pindahkan Perlembagaan, jangan mempertikai. Siapa dia buat Perlembagaan? Tidak ada benda yang tidak boleh pinda, melainkan Al-Quran sahaja. Ciptaan manusia kita boleh buat, kita boleh hapus terus. Tetapi dia cuba hendak mempertahankan kemungkaran dia supaya dia tidak dapat meminda. Inilah penyelewengannya! Patut hormat kepada Kerajaan Angkatan. Baru dua bulan memerintah, sudah menunjukkan kepada masyarakat. Tetapi jangan mereka hendak sokong, mereka gugat pula seperti penulis khusus dalam Utusan Melayu, cuba memular belit. Dan Utusan Melayu kata fatwa Ustaz Nik Aziz. Bila Uslaz Nik Aziz keluarkan fatwa? Siapa kata Ustaz Nik Aziz keluarkan fatwa? Dia cuba memutar-belit begitu lanjut dalam suratkhobar. Esok tunggulah tanggungjawab masing-masing bila kita berdepan dengan Allah s.w.t.

Saya harap kita harus sedar, sudah 30 tahun kita berada dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun saya baru penggal yang kedua tetapi keturunan kita dari zaman Tunku Abdul Rahman. Empat Perdana Menteri, tiga sudah meninggal. Apakah kalau Perdana Menteri yang meninggal ini ada berlaku kesilapan, berlaku kecacatan, berlaku penyelewengan; apakah Perdana Menteri yang ada hari ini cuba hendak mati dengan dosa, dengan maksiat begitu juga. Tidak rasa bertanggungjawab untuk mengkaji dengan mendalam. Inilah, Tuan Pengerusi....

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar....

Dato' Alias bin Md. Ali: Penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya harap....

Dato' Alias bin Md. Ali: Tidak mahu beri? Hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh.

Dato' Alias bin Md. Ali: Penjelasan. Boleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa beritahu Dewan yang mulia ini yang Kerajaan PAS sudah memerintah Negeri Kelantan berpuluh-puluh tahun dulu. Bukan sekarang ini, yang dulu. Apakah PAS dulu telah buat dengan judi dan lain-lain perkara maksiat di Kelantan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Susah saya hendak tolong jawab ini. (*Ketawa*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tidak boleh jawab?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bukan saya tidak bolch jawab, nanti dulu. (*Ketawa*) Kalau saya jawab, kenalah dia. Mengapa tanya Kerajaan PAS berbelas-belas tahun dulu? Pertama saya mahu memperbetulkan fakta sejarah. Orang kata PAS memerintah 18 tahun. PAS tidak memerintah 18 tahun. Yang 18 tahun itu PAS bersama Barisan Nasional, satu.

Yang kedua, kenapa tuduh PAS. Kenapa PAS tidak buat, kenapa PAS tidak menjalankan hukum Islam sedangkan Kerajaan Negeri itu hanya peringkat satu state sahaja, satu unit! Mana hakim bagi kita? Mana mahkamah bagi kita? Mana polis bagi kita? Mana penjara bagi kita/ Patut tanya Kerajaan Pusatlah, fasal apa UMNO tidak buat? (*Ketawa*) Inilah susahnya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Kalau tanya saya senang sahaja jawab. UMNO tidak mendakwa hendak menjalankan hukum Islam. PAS yang mendakwa hendak menjalankan hukum Islam, tetapi tidak buat. (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Hak yang lebih senang lagi UMNO tidak mahu kepada Islam.

Seorang Ahli: Bagus!

Dato' Alias bin Md. Ali: Bukan tidak m a h u . . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Itu yang sebenar. Itu yang bagus sekali.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap pendek. Saya rasa saya hendak akhir ucapan saya kerana banyak lagi kawan saya hendak berucap. Akhir sekali saya mintalah kepada jabatan yang berkenaan supaya mengkaji Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ini dan cuba memainkan peranan, kerana saya khuatir dengan program dan aktiviti-aktiviti yang diatur itu. Tetapi merupakan satu kelemahan yang ada di

dalam badan ini yang menyebabkan gambaran yang sebenar tidak dapat dilihat oleh rakyat dan tidak dapat dimain khususnya saya percayalah barangkali orang yang bertanggungjawab dengan badan ini tidak berani. Kerana kalau mereka kemuka pun harus diketepikan. Dan patutlah Kerajaan memperbanyakkan pakar-pakar agama dalam badan ini ataupun dalam bidang ini.

Tetapi dukacita, dulu ada seorang yang berkelulusan diletakkan di situ. Patut tambah jadi dua, tetapi hari ini tolak ke mana, saya tidak tahu. Dapat berita kata jadi drebar teks.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada lagi yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sila.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Minta penjelasan sedikit, sebagai pemimpin Islam, tidak eloklah kalau merendah-rendahkan taraf seorang Menteri yang berkelulusan agama dengan mengatakan menjadi drebar teks. Itu saya rasa patut tarik balik perkataan itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Permit teks. Ganjil, Tuan Pengerusi, merendah-rendahkan seorang yang berkelulusan tidak layak tetapi menentang Tuhan tidak apa.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya sebagai seorang anggota Kerajaan sudah 16 tahun bersamadengan PAS, saya ingin hendak mendengar pendapat dan penjelasan Ahli Yang Berhormat. Pada kami pengajaran sesat yang besar di Malaysia ini dibawa oleh PAS. PASlah sebenarnya

ibu atau bapa pengajaran sesat di negeri kita, kerana semenjak PAS diwujudkan perpecahan tentang akidah telah berlaku begitu sekali, sehingga sanggup orang PAS menghisap darah orang UMNO. Kerana PAS ini sebagaimana yang kita ketahui, telah membina kelas PAS dijadikan 32 masjid yang saya katakan itu, kalam betul PAS berani, buatlah 1,000 masjid di seluruh negara ini. Mengapa buat Jumaat itu di 32 buah masjid sahaja?

Sekarang ini Haji Hadi dan pengikut-pengikut PAS Terengganu terlalu takut kalau sebut fasal masjid ini. Sebab mereka tersalah beri fatwa. Dan mereka juga telah membuat kubur suku. Semua ini kalau dalam jangka panjang, saya rasa, kita boleh bercakap Yang Berhormat Pengerusi, bahawa semenjak PAS ada ini, perpecahan yang serius telah berlaku, sehinggakan sanggup orang Islam berkelahi, menuduh kafir-mengkafir dan sebagainya. Di sini duduknya ajaran sesat. Sebab itu, sudah layak kalau Wakil dari Arau meminta Kerajaan kaji balik nama "Islam" itu, kerana janganlah kekeliruan seperti "PAS itu Islam", "Islam itu PAS" berlaku dalam negara kita. Islam itu agama Allah yang di bawa oleh malaikat kepada Rasulullah. PAS tidak! PAS ini parti politik, lebih kecil daripada UMNO.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya sudah jelaskan dalam Dewan ini. Saya sudah terangkan baru-baru ini. PAS bukan Islam, Islam bukan PAS. Cuma UMNO keliru, UMNO putar-belit Pusat Islam—adakah Islam itu Pusat, Pusat itu Islam? (*Ketawa*) Saya sudah tanya dan sudah jelaskan baru-baru ini. Sengaja dia putar.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat ini, adakah perpecahan itu alasan bagi kebenaran ataupun tidak kebenaran. Yang keduanya, saya hendak bertanya, saya nampak beliau ini bijak dalam agama.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perbincangan kita ini di bawah Butiran mana?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak, saya hendak bertanya. Maaf, saya hendak bertanya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Butiran mana perbincangan kita sekarang?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia minta penjelasan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Boleh, saya boleh jawab,

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Nanti dulu!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya boleh jawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tidak habis lagi. Saya hendak bertanya satu lagi, bolehkah orang yang kita ragu-ragu keimanan dia maka kita buat Imam sembahyang kepada dia. Kita ragu manusia ini sah ataupun tidak Iman dia. Bolehkah kita buat Imam kepada dia?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tetapi orang-orang UMNO tidak ada apa-apa keraguan, kalau Imam itu telah pun disahkan dan dilantik oleh Kerajaan. Cuma golongan orang PAS sahaja yang ragu-ragu, saya rasa peliknya, mengapa 32 buah masjid sahaja yang diragukan, sedangkan masjid dalam negeri Terengganu ada 450 buah. Mengapa ini berlaku? Sebab itu saya pernah bercakap dalam Dewan Undangan Negeri bahawa kita sama-sama akan mati, dan kita akan

menghadapi Allah s.w.t. Jadi kalau hendak main politik, janganlah jadikan "PAS itu Islam", "Islam itu PAS". Tidak ada seorang pun, orang Islam mengatakan Pusat Islam itu Islam dan Islam itu Pusat Islam, tidak ada. Tidak ada seorang Islam pun kata "Bank Islam itu Islam", dan "Islam itu Bank Islam", tidak ada. Tetapi boleh jadi 30% daripada penduduk Islam di Terengganu mengatakan PAS itu Islam, Islam itu PAS. Jadi saya rasa kckliruan ini besar makna dan mudarabaya kepada kita. Baik PAS atau Semangat 46, baik sesiapa, kita bertanggungjawab memperbetulkan kekeliruan atas apa yang telah dikatakan ini, yang merosakkan akidah Islamiah di negara ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau Yang Berhormat maksud . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat minta berucap . . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak tamatkan Butiran saya. Kalau Yang Berhormat sendiri sudah mengaku Pusat Islam itu bukan Islam, Islam itu bukan Pusat dan PAS itu bukan Islam dan Islam itu bukan PAS, cukup sudahlah. Cukup sudahlah mengaku, lain kali jangan bangkitlah. Cukuplah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) Ahli-ahli Yang Berhormat, saya m i n t a . . . .

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya telah mengatakan bahawa kekeliruan itu telah berlaku, 30% daripada penduduk Islam Terengganu mengatakan "Islam itu PAS", "PAS itu Islam". Sebab itu mereka telah buat Jumaat suku, mereka telah menolak masjid. Menolak segala-galanya seperti sembelihan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat perkara ini sudah cukup. Perbincangan harus ditumpukan kepada butiran tertentu. Diminta kerjasama kepada semua pihak.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya, terima kasih. Kalau tak puas hati, sila buat program lain.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya rasa banyak masa terbuang, maka saya inginlah menggulung pandangan saya di mana ada dua perkara yang saya tidak puas hati iaitu mengenai masalah ajaran sesat. Pertama, tentang penyiasatan dan penyelidikan. Yang kedua, tentang tindakan dan hukuman.

Misalnya dalam penyelidikan, sepatutnya Pusat Islam ini buat kajian dan buat penyelidikan secara menyeluruh, seperti pernah saya katakan mengenai dasar-dasar, teori-teori politik dan ideologi-ideologi politik, patut dlkaji manakah satu ideologi yang boleh kita pakai, mana satu ideologi yang bercanggah dan kemudian kita kemukakan supaya dapat pandangan, dapat keputusan atau pun khususnya dapat fatwa daripada pihak ahli hukum, barulah kita tidak berbalah. barulah tidak PAS, tidak UMNO, tidak ada perbezaan apa pun. Itu satu.

Yang keduanya, tindakan dan hukuman. Banyak terdapat hari ini, kalau mengikut senarai yang dikeluarkan itu yang telah dihukumkan oleh pihak berkenaan ini iaitu mereka yang terlibat dengan ajaran sesat seperti Arqam dan Kassim Ahmad. Mercka sudah dihukum bercanggah, sudah dihukum murtad, tetapi pada hari ini bagaimana? Sama dengan yang tidak terlibat dengan hukum. Arqam pun berjalan dengan baik, Kassim Ahmad pun masih jadi ahli UMNO. Bolehkah orang mutrad jadi ahli UMNO? Orang

murtad adalah orang yang terkeluar daripada Islam sedangkan dasar UMNOnya orang Melayu Islam. Mengapakah orang yang keluar daripada Hukum masih boleh jadi ahli UMNO? Tetapi mengapa tak bising, mengapa tak sibuk dan masih banyak perkara lagi, Tuan Pengerusi, benda-benda yang menjadi hujah, yang membawa kepada kekeliruan. Sebab itu tak usah pertikaikanlah dengan apa yang saya hujah petang ini. Carilah ruang yang lain kalau masih tak puas hati. Kita adakan satu majlis khusus.

Kami bersedia untuk bermuzakarah dan sepanjang masa dasar kami terbuka. Kalau UMNO tidak pengecut, tidak bacul, mahukan kepada kebenaran, usaha pendekatan itulah tanggungjawab kita. Sebab itulah, Tuan Pengerusi, mengikut apa yang saya tahu, Kerajaan dengan rakyat samalah bayang-bayang dengan pengukur, tidak akan betul bayang-bayang selagi pengukur tidak betul. Bayang-bayang boleh jadi betul kalau pengukur itu betul, begitulah rakyat dengan Kerajaan. Tidak akan jadi betul rakyat, kalau sekiranya Kerajaan tidak betul. An-nasu ala-dini mulukin—ertinya manusia mengikut agama Kerajaan. Kalau Kerajaan berjudi, rakyat berjudi. Kalau Kerajaan minum, rakyat minum. Kalau Kerajaan menipu, rakyat menipu. Bapak borek anak rintik. Jadi, Kerajaan hari ini semuanya ada, kita hendak memaksa rakyat jangan menghisap rokok, yang Kerajaanya benarkan jual rokok, berniaga rokok. Kita hendak paksa rakyat jangan rasuah, yang Kerajaan sendiri rasuah. Bapak borek anak rintik. Sebab itu, Tuan Pengerusi....

Tuan Haji Mobd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini yang sebenarnya duduk sebelah saya, dia pun puji saya, dia pun pandai tetapi tentang ini saya tidak setuju kerana dia kata Kerajaan

rasuah. Di bawah peraturan 36 (10), menyakit-nyakitkan hati Kerajaan iaitu pemimpin-pemimpin kita termasuk sayalah. Mintalah ruling supaya ditarik balik.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tarik balik kalau Kerajaan tidak rasuah, tetapi kalau Kerajaan rasuah, itulah pegangan saya. Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi dan saya harap apa saranan saya itu akan mendapat perhatian khususnya daripada Jabatan yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk sebentar. Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berucap, hanya dibenarkan berucap sampai jam 6.15 petang. Selepas itu saya akan minta Menteri yang berkenaan menjawab kerana hari ini adalah hari yang penghabisan. Yang Berhormat dari Tuaran.

*5.58ptg.*

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Jabatan Peguam Negara, mukasurat 44, Maksud Bekalan 10, Butiran 040000. Saya perhatikan bahawa dalam tahun 1990, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2,250,300 dan bagi tahun ini dicadangkan peruntukan sebanyak \$3,218,500.

Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa di negara kita ini banyak mahkamah-mahkamah yang mengalami kesesakan kes-kes yang belum selesai termasuk kes-kes penjenayahan, pencurian, penipuan, pembunuhan dan sebagainya. Misalnya di Kota Kinabalu terdapat lebih daripada 12,000 kes yang masih lagi belum selesai. Jika kita ambil andaian bahawa mahkamah akan dapat menyelesaikan tiga kes dalam sehari, ini akan mengambil masa dalam tempoh 11 (sebelas) tahun.

Tuan Pengerusi, Kerajaan sekarang sedang menggalakkan pelaburan asing, maka kita mahukan keamanan, kita mahukan kesejahteraan, keharmonian dan perpaduan. Ada yang saya tahu bahawa peguam-peguam yang mula bekerja dalam Kerajaan dan telah melepaskan kerja dengan Kerajaan dan mempunyai anak yang sedang bertugas dalam Kerajaan di mahkamah-mahkamah dan kes-kes yang mereka tinggalkan dahulu itu masih lagi belum selesai.

Tuan Pengerusi, kalau kita mahukan satu negara yang aman, makmur, bersatu padu kenapakah Kerajaan tidak ambil perhatian berat mengenai dengan kes-kes yang saya sebutkan tadi yang sudah berpuluh-puluh tahun belum selesai? Bagi orang-orang asing, apabila mereka mendengar keadaan seperti ini, tidaklah sepatutnya negara kita ini, yang kita cintai, masih lagi dalam keadaan yang tidak teratur. Mungkin pada tahun lepas "Visit Malaysia Year", kita telah mendapat ketibaan orang-orang asing yang begitu banyak, tetapi adakah kita tahu bahawa mereka itu kembali ke negara masing-masing dengan gambaran pendapat hati yang tidak baik mengenai Malaysia kerana banyak kes-kes jenayah, pencurian, penipuan, pembunuhan, perogolan dan sebagainya? Apa yang saya ketahui di sini, peruntukan ini tidak begitu banyak. Nampaknya jawatan-jawatan yang didapati dalam tahun 1990 masih sekadar itu juga, 81 jawatan. Untuk tahun 1991, masih 81 jawatan.

Mungkin banyak daripada jawatan ini tidak diisi, masih kosong. Kerajaan membelanjakan begitu banyak wang tetapi \*effectiveness'nya tidak ada. Apa yang saya tahu produktiviti pegawai-pegawai di Mahkamah tidak begitu bagus. Petang tidak ada kerja, hanya pagi sahaja duduk di pejabat. Ini adalah satu kepincangan yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan supaya cita-cita Kerajaan,

cita-cita warganegara Malaysia termasuk Pembangkang akan tercapai dan mewujudkan keadaan yang aman bersatu padu dan makmur.

Tuan Pengerusi, saya akan beralih kepada Suruhanjaya Pilihanraya, mukasurat 26, Butiran 010000 - Urusan Pilihanraya. Tahun lalu sebanyak \$9,841,000 telah diperuntukkan dan tahun ini dicadangkan \$15,338,000. Lebihannya lebih kurang \$5.5 juta.

Tuan Pengerusi, pada tahun lalu Parti Bersatu Sabah telah membangkitkan satu kepincangan yang terdapat di senarai pengundi, dengan izin, electoral roll, di mana kononnya terdapat lebih kurang 23,000 pengundi-pengundi di Sabah, yang tidak teratur. Pada mulanya pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengatakan ini "coffee-shop talk", tetapi apabila sudah disiasat dengan teliti, perkara ini adalah betul di mana ada satu nombor kad pengenalan, tiga orang memilikinya ataupun satu orang pengundi memiliki tiga nombor kad pengenalan. Ini adalah satu keganjilan dan kepincangan dan saya harap peruntukan yang begitu banyak yang dicadang untuk diperuntukkan pada tahun ini akan digunakan untuk mengatasi masalah yang ganjil ini, kerana jika sekiranya masalah ini tidak diperbaiki bermakna rakyat Malaysia yang seharusnya berhak mengundi akan kehilangan hak untuk mengundi.

Misalnya, dalam pilihanraya umum Negeri dalam bulan Julai tahun lalu, ada rakyat Malaysia di Sabah yang telah mengundi untuk menjalakan haknya mengikut Perlembagaan Negara, tetapi dalam bulan Oktober, waktu pilihanraya umum Parlimen, orang yang sama didapati namanya tidak ada di dalam senarai pengundi. Begitu banyak peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan, mengapa pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan betul supaya rakyat Malaysia yang betul-betul berhak tidak kehilangan haknya.

Tuan Pengerusi, kerana masa yang pendek, saya terus beralih kepada Jabatan Perdana Menteri, mukasurat 34, Buliran 120000 - Bahagian Wilayah Persekutuan (Termasuk Labuan); Butiran 130000 - Pejabat Wilayah Persekutuan (Termasuk Labuan); Butiran 140000 - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Termasuk Labuan).

Tuan Pengerusi, saya telah meneliti Buku Belanjawan Persekutuan 1991 dan hanya Butiran ini sahaja yang berlainan. Misalnya, Butiran 120000 - Bahagian Wilayah Persekutuan. "BAHAGIAN WILAYAH PERSEKUTUAN" dieja dengan huruf besar dan dalam kurungan "(Termasuk Labuan)" dieja dalam huruf kecil. Adakah Labuan ini satu kawasan yang tidak mustahak, seolah-olah Labuan ini terlupa (dieja dengan huruf kecil). Maksud saya menimbulkan perkara ini ialah agar Kerajaan tidak dengan sengaja memperkecil-kecilkan Labuan. Labuan ini ialah sebuah Wilayah Persekutuan, tetapi kenapa tidak dianggap sebagai Bahagian Wilayah Persekutuan, kenapa dipanggil juga "(Termasuk Labuan)", seolah-olah ia tidak mustahak. Memang peruntukannya banyak. Saya berharap peruntukan untuk Pulau Labuan ini tidak akan dipulaukan walaupun ia sudah menjadi pulau. Peruntukan yang seadil-adilnya akan diberi kepada Pulau Labuan dan saya berharap Labuan ini tidak dianggap sebagai kecil. Saya minta penerangan kenapa jadi begitu iaitu ejaannya dengan huruf kecil.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri, mukasurat 32, Maksud Bekalan 7, Butiran 010000, Program 010800 - Biro Tatanegara.

Saya ingin tahu apakah objektif dair tujuan Biro ini. Sebanyak-banyak Biro yang saya tahu, Biro inilah yang saya tidak tahu objektif dan tujuannya. Yang Berhormat dari Arau kelmarin meminta Kerajaan supaya Biro ini digunakan

untuk Kerajaan sendiri dan untuk penyokong-penyokong Kerajaan sahaja, seolah-olah wang yang digunakan untuk Biro ini datangnya daripada pihak yang menyokong Kerajaan. Sebenarnya semua wang yang diperuntukkan dalam Belanjawan ini adalah datang daripada rakyat Malaysia, bukan hanya datang daripada pihak-pihak yang menyokong Kerajaan. Mungkin anggapan saya tni salah, tetapi Biro Tatanegara ini adalah mungkin berasaskan kepada Rukunegara di mana semua warganegara Malaysia, termasuk pihak Pembangkang mengikuti prinsipnya.

Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan fikiran daripada Yang Berhormat dari Arau bahawa peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi negara kita ini dikhususkan kepada penyokong-penyokong Kerajaan sahaja kerana Pembangkang juga adalah warganegara Malaysia yang patuh kepada Perlembagaan Negara dan prinsip-prinsip Rukunegara. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Lima minit, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Lima minit? Singkat sahaja!.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak boleh, saya tetapkan. Minta kerjasama daripada Yang Berhormat.

6.12 pgt.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada mukasurat 23, Maksud B.1 010000 iaitu mengenai Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyahut saranan-saranan Yang Berhormat yang berucap sebelum saya bahawa gaji dan elaun kakitangan

Parlimen dinaikkan. Saya rasa ini adalah satu kedudukan yang jarang sekali berlaku, di mana Ahli-ahli Pembangkang dan Kerajaan bersetuju atau mencapai satu kata sepakat tentang sesuatu hal. Dan saya harap pihak Kerajaan boleh menerima cadangan yang dibuat oleh semua Ahli-ahli Parlimen ini kerana kalau bukanlah kakitangan Parlimen yang memberikan perkhidmatan serta sumbangan mereka, saya percaya urusan Parlimen tidak akan menjalan dengan baik dan lancar. Justeru itu, saya rasa kita harus tidak bersikap seperti "Kacang lupakan kulit."

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menimbulkan satu perkara mengenai Urusan Mesyuarat, terulamanya perangai dan kelakuan tingkah-laku Ahli-ahli Parlimen. Saya amat kesal dengan tingkah-laku beberapa Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang menganggap Dewan yang mulia ini sebagai satu tempat tidur. Ini telah berlaku pada minggu yang lepas, pada kali yang pertama di mana Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Loke Yuen Yow iaitu Yang Berhormat dari Tanjong Malim telah tidur dan gagal bangun untuk menjawab satu soalan mulut yang ditujukan oleh rakannya dari Tapah. Dan pada hari yang kedua, Menteri Perusahaan Utama, yang juga Yang Berhormat dari Beruas juga mengikuti kelakuan atau apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim. Saya rasa, Tuan Pengerusi, ini adalah satu kelakuan, satu amalan yang amat memalukan, yang menghinakan bukan sahaja maruah Parlimen tetapi juga menghinakan kedudukan mereka sebagai Timbalan Menteri dan Menteri Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Di sini saya berharap bahawa satu arahan boleh dikeluarkan supaya melarang semua Ahli-ahli Parlimen, khususnya yang datang daripada Barisan Nasional yang suka tidur di dalam Dewan ini, yang anggap Dewan yang mulia ini sebagai hotel supaya jangan tidur semasa mesyuarat dijalankan.

Sekurang-kurangnya mereka dipilih oleh rakyat untuk membawa atau membahaskan masalah negara, bukan untuk tidur di sini. Kita tidak mahu "sleeping beauties", dengan izin. "Sleeping beauties" seperti Yang Berhormat dari Tanjong Malim dan Yang Berhormat dari Beruas. Saya amat kesal kerana saya sendiri telah menerima banyak aduan daripada rakyat yang berasa marah bahawa Ahli-ahli Parlimen boleh tidur dan dibenarkan tidur kecuali mereka tidak berdengkur. Ini sudah melebihi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada mukasurat 31, Butiran 010000 Program 010300 - Lembaga Penasihat, di mana Kertas Perintah 20 menyatakan anggaran Perintah Tahanan ISA yang akan dikeluarkan pada tahun 1990 adalah 350 dan untuk tahun 1991, 400. Saya rasa ini bercanggah dengan amalan aiau dengan aliran arus hak-hak asasi manusia yang wujud di dunia sekarang oleh kerana yang pertama juga menunjukkan bahawa Kerajaan bertujuh, berhasrat menggunakan Akta ISA untuk menahan lebih ramai orang. Oleh kerana ancaman daripada komunis telah berakhir adalah jelas bahawa Akta ISA ini akan digunakan terhadap Ahli-ahli Pembangkang dan ini adalah sesuatu . . . . Bolehkah lima minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta 5 minit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah ditetapkan. Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Bolch saya gulung?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya beri penerangan, masa yang diperuntukkan sudah cukup. Hari ini, masa perbahasan untuk ....

Tuan Lim Guan Eng: Ya, boleh saya gulung?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab dalam 15 minit.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung sekejap sahaja?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab sekarang. Masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, saya akur.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

6.77 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap memberi ulasan dalam peringkat Jawatankuasa mengenai peruntukan Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri.

Oleh kerana kesuntukan masa dan ucapan-ucapan boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori, ada yang merupakan mahu tahu fakta, saya rasa dalam kategori ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan membuat lawatan mendapat taklimat-taklimat daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan dalam Jabatan Perdana Menteri. Ada kategori yang merupakan konsep maka yang ini perlu beberapa jawapan dengan tepat.

Saya dapati dalam ucapan beberapa Ahli Yang Berhormat terdapat perasaan buruk sangka terhadap Kerajaan. Pada hal mereka yang bercakap itu sangat mengetahui bahawa buruk sangka itu adalah satu perkara yang keji dan dilarang. Di dalam Al-Quran bermaksud: Wahai orang beriman, jauhilah kebanyakan sangka kerana setengah-setengah sangka itu berdosa. Terdapat juga dalam ucapan-ucapan perkara-perkara yang positif tetapi mereka yang bercakap itu, walaupun faham dan tahu tetapi mereka sengaja menyembunyikan dan dikemukakan dalam tafsiran yang negatif bagi mencapai tujuan politik.

Ahli Yang Berhormat dari Arau membuat pertanyaan-pertanyaan mengenai beberapa perkara yang besar, termasuklah perkara anggaran Belanjawan keseluruhannya sama ada ini menepati kehendak Islam ataupun tidak. Saya rasa, Tuan Pengerusi, inilah persoalan besar mengenai konsep yang perlu diterangkan bahawa kewajipan-kewajipan di dalam Islam - Islam dibahagikan kepada dua. Pertamanya ialah kewajipan yang dinamakan Fardu Ain yakni tuntutan Islam ke atas individu dalam hubungannya dengan Allah. Yang keduanya ialah Pardu Kifayah yakni, dengan izin, collective responsibility iaitu kewajipan ke atas seorang individu atau kumpulan yang tertentu dalam melaksanakan keperluan dan kepentingan masyarakat.

Kewajipan yang terkandung dalam Fardhu Kifayah ini sangatlah luas. Ianya mencakupi semua aspek kehidupan rakyat jelata. Kerajaan yang memerintah negara ini sejak dahulu hingga sekarang adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan bahawa Fardhu Kifayah dalam negara ini dijalankan dengan sempurna. Tetapi bagi ahli-ahli politik tertentu, termasuk beberapa orang Ahli Dewan yang mulia ini, dengan sengaja menyembunyikan hakikat ini sedangkan mereka tahu bahawa aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan untuk kepentingan rakyat jelata adalah Islamic dan merupakan usaha bagi penunaian dan pelaksanaan tuntutan Islam.

Kecuali mereka yang cuba tiru-tiru dan berpura-pura menjadi orang alim atau mula berkawan dengan orang alim dan cuba hendak menjadi macam orang alim itu. (*Tepuk*)

Dalam perundangan Islam terdapat satu kaedah yang besar yang berbunyi tindakan pemerintah adalah tertakluk dan dibimbing oleh kepentingan umum. Sebagai misal dalam Belanjawan yang sedang dibincangkan sekarang ini jumlah yang besar diperuntukkan untuk Kementerian Pertanian dan Kementerian Pendidikan. Jumlah yang besar ini adalah untuk tujuan menunaikan tuntutan Islam dalam hal menghasilkan bahan makanan untuk rakyat negara ini dan dalam hal pendidikan dan memberikan ilmu kepada rakyat negara ini. Tidak syak lagi bahawa bidang penghasilan bahan makanan dan bidang ilmu pengetahuan untuk rakyat adalah tuntutan Islam yang tergolong dalam Fardhu Kifayah dan mesti dijalankan dalam sesuatu masyarakat. Oleh itu peruntukan yang secukupnya disediakan untuk tujuan tersebut.

Begitu jugalah peruntukan-peruntukan yang disediakan untuk keselamatan dan pertahanan negara yakni bagi jabatan polis dan tentera dan lain-lain agensi. Semuanya ini adalah

bagi penunaian dan pelaksanaan Fardhu Kifayah. Dengan lain perkataan, Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan dalam Dewan ini adalah Islamic yakni sesuai dengan tuntutan Islam.

Tetapi, Tuan Pengerusi, terdapat pemimpin masyarakat yang sengaja mengelirukan rakyat jelata dengan membuat tafsiran bahawa peruntukan yang Islamic atau yang dituntut oleh Islam ialah peruntukan yang secara langsung bagi tujuan Fardhu Ain. Maka terus diambil peluang untuk dibuat kenyataan-kenyataan yang berbau politik bahawa Kerajaan tidak mengambil berat tentang Islam. Maka rakyat yang sepatutnya mendapat bimbingan orang-orang yang mengetahui tentang Islam atau yang mendakwa mengetahui tentang Islam mengenai kefahaman Islam yang sebenar telah diasak di dalam pemikiran mereka tafsiran-tafsiran yang tidak betul dan seterusnya dikelirukan.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Ahli yang bangun. Beri jalan?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya tidak ada masa sebab dia tidak ada ilmu dalam hal ini. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak benarkan. Teruskan dahulu.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya sudah cakap tadi bahawa kekeliruan terdapat juga di dalam kenyataan-kenyataan politik yang berasaskan tafsiran sendiri atau tafsiran yang tidak dipakai oleh majoriti umat Islam. Tafsiran itu diketengahkan kepada rakyat jelata yang tidak begitu mendalam tentang kefahaman Islam.

Apabila pihak Kerajaan cuba menerangkan kepada umat Islam perkara yang sebenar maka sekali lagi kenyataan-kenyataan itu ditafsirkan dengan cara yang mengelirukan dan akhirnya menjadi masalah politik kepada rakyat jelata.

Perkara ini sebenarnya timbul dari perasaan buruk sangka yang sangat dilarang oleh Islam. Sebagai misal, pihak Kerajaan cuba menerangkan bahawa Islam itu tidak boleh digunakan untuk tujuan parti politik yakni dengan mengatakan bahawa hanya parti politik yang menggunakan perkataan Islam dalam pendaftarannya sebenar-benar parti politik yang diredai oleh Islam dan sesuai untuk Islam serta bekerja untuk kepentingan Islam dan parti pemerintah dalam kerjanya adalah bercanggah dengan Islam dan tidak memperjuangkan Islam. Malah terdapat di sana sini pengikut-pengikut bagi parti berkenaan menyebarkan fitnah bahawa adalah bercanggah dengan Islam kalau sesiapa memilih dalam pilihanraya calon parti yang lain. Pada hal pemimpin-pemimpin yang mempunyai ilmu di kalangan parti berkenaan mengetahui hakikat yang sebenar bahawa untuk mendakwa golongan yang sahaja yang sesuai dengan Islam adalah salah di sisi Islam.

Kerajaan Barisan Nasional dalam semua aktiviti dan programnya adalah untuk menunaikan Fardhu Kifayah bagi menjaga umat Islam dan syariat Islam. Dalam konteks negara ini perjuangan yang perlu dilakukan masih banyak. Tuntutan Islam supaya umat Islam berilmu supaya semua pihak sedar bahawa pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi dalam berbagai bidang profesion masih rendah di kalangan umat Islam. Usaha-usaha ke arah mempertingkatkan dibuat dengan bersungguh-sungguh dalam bidang-bidang yang lain yang cukup banyak seperti keupayaan berdiri di atas kaki sendiri, menjadi umat yang disanjung tinggi dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, dalam usaha menjalankan tugasnya bagi memenuhi kehendak tuntutan Pardhu Kiyafah Kerajaan mempunyai keyakinan diri kerana Rasullullah s.a.w. bersabda: Apabila pemerintah menggunakan ijtihadnya yakni menggunakan segala daya upaya dan usahanya bagi menunaikan tanggungjawab terhadap rakyat sckira betul maka ia mendapat dua pahala, sekiranya dia salah ia mendapatsatupahala. Ini bererti bahawa kalau terdapat di sana sini kesalahan yang tidak sengaja dalam perancangan dan pelaksanaan bagi aktiviti dan program maka sekali-kali Kerajaan tidak berdosa. Atas panduan inilah maka Kerajaan mempunyai keyakinan diri bahawa apa yang dilakukan adalah dengan kehendak Islam dan di atas landasan Islam. (*Tepuk*)

Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa hukum bunuh yang bersangkutan dengan dadah dan senjata api tidak termasuk di dalam Hudud dan ini bercanggah dengan Islam. Begitu juga penahanan- penahanan ISA. Pendapat ini adalah salah dan dikeluarkan dengan cara yang mengelirukan kerana di dalam Islam ada hukum yang dipanggil Hudud yakni mandatori, tektual yang disebut dalam Al Quran dan Hadis dan ada yang disebut Takzir yakni hukum yang terserah kepada budi bicara hakim yakni pemerintah.

Hukum Takzir ini sangat luas dan boleh meningkat kepada hukuman bunuh. Ini mengikut mazhab Hanafi dan Maliki. Saya mempunyai banyak rujukan di sini dalam bahasa Arab. Tuan Pengerusi, saya mohon izin hendak baca satu bagi pihak yang berkenaan ini dengar: Yakni dalam bab Takzir hukuman budi bicara Kerajaan dan pemerintah boleh dibunuh kerana ini dari segi kepentingan politik, tersebut di dalam kitab ini dari segi kepentingan politik, termasuklah membunuh spy, atau menahan orang yang bercakap dan orang yang membuat fitnah di dalam masyarakat. (*Tepuk*)Boleh dikurung dan

hingga boleh dibunuh. Kurung lebih ringan daripada bunuh, Tuan Pengerusi. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Hampir habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak benarkan.

Beberapa Ahli: Duduklah!

Dr Tan Seng Giaw: Point of order 36 (1)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar. Ada dibangkitkan Peraturan Mesyuarat, kita dengar apa dia.

Dr Tan Seng Giaw: Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja (*Disampuk*) dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Kami membangkitkan banyak perkara termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, penswastan dan berbagai perkara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menumpukan perhatian.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong, minta duduk. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adalah berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan di dalam Jawatankuasa. (*Tepuk*) Teruskan.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ada saya kategorikan, ada perlu hendak facts and figures boleh dicari dengan mudah tetapi benda yang saya cakap ini payah hendak dicari. (*Ketawa*)

Ada Ahli Yang Berhormat bercakap dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa dasar penswastan adalah bercanggah dengan Islam. Pendapat ini tidak betul sama sekali dan dibuat dengan tidak berhati-hati dan tidak berdasar kepada pengkajian yang rapi. Dasar penswastan sesuai malah digalakkan di dalam Islam kerana sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan mesti dilakukan dengan sempurna dan cekap dan memberi manfaat yang besar, lebih besar dari kemudaratan. Apabila pemerintah berpendapat ini boleh dijalankan dengan apa-apa cara maka pemerintah boleh mengambil jalan itu untuk kepentingan dan kemuslihatan umum.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, masih panjang lagi?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Ada lagi satu paragraf.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat masa sudah cukup. Boleh sambung hari Isnin.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Boleh saya sambung.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*